

Palestin

The background is a complex collage. At the top left is the Dome of the Rock in Jerusalem. Below it is a large, arched stone building. In the center, a circular inset shows a wide view of a similar stone building. To the right, there's a yellow and black graphic with a Star of David. Below that, a person in a black balaclava is visible. In the bottom right, a child with a red face is shown. The overall color palette is dominated by yellow, orange, and black.

Meniti rentetan sejarah

A circular inset in the center of the cover shows a military tank in a dusty, conflict-ridden environment. A person is seen in the foreground, possibly interacting with the tank or the ground. The scene is filled with smoke and debris, suggesting a recent battle.

*Dr Zainur Rashid Z.
Dr Hussaini R.*

Palestin



Meniti rentetan sejarah

Pengarang:

Dr Zainur Rashid Zainuddin

Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)
Seremban, Negeri Sembilan

Dr Mohamad Hussaini Razali

Klinik Aeromed KLIA
Sepang, Selangor

Cetakan pertama 2004

©Tawun Medi Resources

Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula atau diulang cetak walau dengan apa kaedah sekalipun melainkan dengan kebenaran bertulis dari penerbit. Sebarang pertanyaan boleh dialamatkan kepada penerbit seperti alamat di atas.

Rekabentuk dan cetakan:
Taawun Medi Resources
No 13, Jalan SR 3/1,
Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor

Kandungan

<i>Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
1. Pendahuluan	ii
2. Pengenalan	2
Persekitaran Isu Palestin	4
3. Palestin	8
Islam dan Palestin	10
4. Palestin Dalam Sejarah	15
Bumi Kan'an	15
Bumi Para Anbiya'	17
Pemerintahan Raja-raja	20
Penaklukan Kerajaan Rom	25
Palestin Di bawah Pemerintahan Islam	30
Bangsa Yahudi menuntut hak mereka ke atas bumi Palestin	35
5. Latar belakang Isu Palestin dalam Sejarah	
Moden	41
Perkembangan Politik Isu Palestin sehingga Tahun 1914	45
Isu Palestin ketika Perang Dunia Pertama	49
Palestin di bawah Penjajahan British	55
Perkembangan Projek Zionis	57
Kemunculan Pergerakan Kebangsaan Palestin	59
Revolusi Besar Palestin	68
Perkembangan Politik 1939 - 1947	71
Peperangan Tahun 1948	76
6. Nakbah	82
Negara-negara Arab dan Palestin	83
Perjuangan Kebangsaan Rakyat Palestin	85
Pembentukan Gerakan Fatah	89
Pembentukan PLO	90

Peperangan tahun 1967	91
Munculnya Identiti Palestin	92
Perjuangan Bersenjata	94
Kemunculan Gerakan Islam Palestin	96
7. Bermulanya Intifadah	99
HAMAS	101
Sheikh Ahmad Yassin dalam kenangan	104
Perjanjian Oslo dan PLO	110
Zionis Masa Kini	114
Intifadah Al-Aqsa	117
Pesanan	119



Pendahuluan

Baitul Maqdis, di mana terletaknya Masjidil Aqsa mempunyai kedudukan yang tinggi dalam aqidah Muslimin. Perihal ini telah disepakati oleh semua mazhab kaum muslimin. Maka dengan itu dapat dilihat kesepaduan seluruh kaum muslimin dalam melindungi dan mempertahankan kesucian Baitul Maqdis dengan pengorbanan jiwa dan harta benda.

Di Baitul Maqdis terletak Masjidil Aqsa yang menjadi simbol kesucian Islam yang sudah terpaku dalam suratan takdir, ianya tercermin di dalam jiwa dan kesedaran kaum muslimin sebagai Kiblat mereka yang pertama, tempat berlakunya Isra' dan Mi'raj, kota besar Islam ketiga, negeri kenabian dan keberkatan dan negeri persediaan jihad.

Kini, sudah lebih 100 tahun berlalunya kongres Zionisme pertama yang diadakan di Basel Switzerland yang dipimpin oleh *Theodore Hertzl* pada tahun 1897 sekaligus menandakan munculnya *Organisasi Zionis Antarabangsa (WZO)*.

Sehingga kini juga sudah lebih 80 tahun termetrinya Perjanjian Balfour yang terkutuk untuk mendirikan sebuah negara Yahudi di Palestin.

Sehingga kini juga sudah lebih setengah abad negara Yahudi Israel wujud di bumi Palestin. Jelas sekali kesungguhan puak Zionis untuk meyahudikan Baitul Maqdis yang Arab dan Islam walaupun mereka berhadapan dengan lebih 250 juta orang Arab dan lebih dari satu billion umat Islam seluruh dunia.

Justeru itu, buku ini ditulis agar diinsafi Muslim sekeliannya mengenai rentetan sejarah Masjidil Aqsa, Baitul Maqdis dan juga Palestin.

Saranan diberikan dipenghujungnya agar ummah yang insaf itu akan terus gigih berjuang demi mengembalikan maruah dan ketuanan Islam di bumi suci yang dijanjikan ini.

Dr Zainur Rashid

Dr Hussaini

Pengenalan





Pengenalan

Palestin terletak di bahagian barat daya *Bilad al-Sham* di barat Asia dan lokasinya berada di tengah Timur Tengah. Di sebelah utaranya negara Syria dan Lebanon, di sebelah selatan pula Teluk Aqaba dan Semenanjung Sinai dan di sebelah timurnya di sempadani oleh negara Jordan. Palestin dahulunya merupakan satu kawasan luas

merentas dari pantai Laut Mediterranean di barat hingga ke Sungai Jordan di timur dan ke utara dari Teluk Aqaba hingga ke Laut Galilee. Palestin kini dibahagikan secara geografinya kepada negara Israel (ditubuhkan pada tahun 1948), Tebing Barat (*West Bank*) termasuklah bahagian timur Jerusalem (Baitul Maqdis) dan Semenanjung Gaza yang telah diduduki Israel semenjak 1967.

Konflik di antara orang Yahudi dan orang-orang Palestin merupakan di antara konflik yang terpanjang di dunia. Ini kerana kedua-dua pihak menuntut hak ke atas tanah Palestin ini. Bagi orang-orang Palestin, 100 tahun kebelakangan ini menyaksikan mereka dijajah, diusir dari kampung halaman dan dihadapkan dengan pendudukan tentera Israel, kemudiannya diikuti pula dengan pencarian yang sukar dan panjang akan identiti diri mereka dalam sebuah negara yang mereka dakwa bertanggungjawab di atas segala kepayahan dan kerugian harta benda.

Bagi orang-orang Yahudi, kembalinya mereka ke tanah Palestin yang mereka percaya tanah nenek moyang mereka setelah berkurun-kurun diseksa di seluruh dunia. Bandar-bandar di Palestin, kampung-kampung dan 19 khemah pelarian rasmi rakyat Palestin telah dipindah kuasa kepada Pihak Berkuasa Palestin pada tahun 1990an di bawah Perjanjian Keamanan Madrid (Oslo). Namun kawasan-kawasan ini masih di bawah jajahan Israel dengan majoriti kawasan masih diduduki dan dikuasai oleh tentera Israel.

Konflik Palestin merupakan satu-satunya isu yang telah menghasilkan resolusi paling banyak di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB - UN). Walaupun wilayah Palestin boleh dikatakan kecil sahaja dan orang-orang

Palestin - penduduk Arab Palestin yang asal - secara nisbahnya merupakan populasi yang kecil, hanya sekitar 6.8 juta orang pada tahun 1996, namun masalah Palestin amat nyata dan ketara di mata dunia. Hampir semua negara-negara Dunia Ketiga di Afrika, Asia dan sebahagian lagi di Amerika Latin telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel selepas tamatnya Perang Arab-Israel pada tahun 1973. Terdahulu dari itu, pada tahun 1967, negara blok Soviet telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel sebagai tindakbalas kepada peperangan pada bulan Jun tahun tersebut. Banyak kerajaan dari negara-negara Dunia Ketiga mengusir kakitangan diplomatik Israel keluar dari ibu negara mereka dan menawarkan tempat bagi kedutaan Pertubuhan Pembebasan Palestin (*Palestine Liberation Organization* - PLO). PLO telah diiktiraf diperingkat antarabangsa pada tahun 1974 sebagai wakil sah rakyat Palestin. Setelah berakhirnya Perang Dingin "*Cold War*", kebanyakan negara telah menjalin semula hubungan diplomatik dengan Israel.

Hanya Israel, Amerika Syarikat dan beberapa negara yang menyokong dan bergantung kepada Amerika Syarikat masih terus enggan mengiktiraf hak rakyat Palestin dan PLO sebagai wakil sah mereka.

Persekitaran Isu Palestin

Isu Palestin sememangnya telah lama dan sehingga kini pun merupakan isu penting bagi kedua-dua bangsa Arab dan Muslimin seluruhnya. Ini adalah kerana 3 alasan penting:

1. Pertamanya kerana tanah suci Palestin mempunyai hubungan sentimental dan spiritual dengan seluruh kaum Muslimin
2. Keduanya kerana kebencian dan kemarahan yang mendalam puak pengganas Zionis Yahudi yang berakar umbi sejak dahulu lagi terhadap Islam dan kaum Muslimin.
3. Ketiganya kerana dasar penjajahan barat-Zionis dan kesungguhan mereka untuk memecahbelahkan ummah muslimin lalu ummah menjadi lemah dan terasing di bawah pengaruh dan mainan kuasa besar dunia.

Percambahan entiti Zionis Israel di Palestin bermula semenjak tahun 1948 disertai tekanan ketenteraan dan politik yang hebat telah membantutkan perjuangan Ummah bagi membebaskan bumi suci Palestin ini. Usaha penyatuan dan usaha untuk mengembalikan semula kegemilangan sejarah Ummah Muslimin sebagai pemimpin umat manusia di muka bumi juga mendapat tekanan yang kuat. Saat ini merupakan salah satu jangkamasa yang penuh cabaran bagi kaum Muslimin dalam sejarah kehidupan mereka.

Isu Palestin bukan sekadar tumpuan bagi orang-orang Arab Palestin malahan tumpuan antarabangsa. Entiti Zionist telah diwujudkan untuk memelihara perancangan pihak Barat-Zionis dan tidak ada kaitan lansung dengan perasaan simpati terhadap orang-orang Yahudi atau agama mereka. Malah pihak barat telah terlibat dalam tindakan yang amat

zalim dan kejam dengan mengenakan pengusiran beramai-ramai rakyat Palestin keluar dari tanah asal dan seterusnya memusnahkan negara asal mereka. Ini secara tidak langsung mewujudkan ketidakstabilan dunia Islam dan dunia secara amnya. Amat malang kerana dunia barat terlibat dalam kekejaman ini pada ketika yang sama mereka mendakwa mereka adalah pelindung kepada keamanan dunia dan hak-hak manusia sejagat.

Palestin



Palestin

Bukti-bukti arkeologi menunjukkan bahawa Palestin telah diduduki manusia sejak zaman dahulukala dan merekodkan bagaimana tanah Palestin telah menyaksikan perubahan pekerjaan penghuninya dari menternak binatang kepada mengusahakan bidang pertanian. Di samping itu pula, bandar yang tertua di dunia, Jericho telah wujud sekitar tahun 8,000 S.M. di timur laut bumi Palestin.

Sejarah merekodkan bahawa nama bumi Palestin yang paling awal disebut sebagai *Ard Kan'an* (Bumi orang Kan'an), sempena nama orang-orang Kan'an yang berhijrah ke sana dari benua Arab sekitar tahun 2500 S.M. Palestin, nama ini berasal dari nama suku kaum *Philistine* yang hidup di tepi-tepi pantai Laut Agean. Mereka berhijrah ke bahagian pantai bumi Palestin. Mereka hidup berasimilasi sepenuhnya dengan puak Kan'an sehingga nama mereka kekal digunakan hingga ke hari ini. Tulisan Mesir purba ada merekodkan nama Palestin sebagai "P.L.S.T." dengan huruf "N" ditambah sebagai menunjukkan plural.

Sejarahnya, sempadan negara Palestin



Al-Aqsa Mosque, Jerusalem

After completion of the Dome of the Rock, construction began at the site of the original timber mosque built in the time of 'Umar (RA). A vast congregational mosque rose up, accommodating more than five thousand worshippers. Originally commissioned by 'Abdul Malik ibn Marwan, it was apparently completed by his son Al-Walid in 705 AD. The building became known as Masjid al-Aqsa, Al-Aqsa Mosque, although in reality the whole area of the Noble Sanctuary is considered Al-Aqsa Mosque; the entire precinct is inviolable according to Islamic law. Every Friday prayer, the Al-Aqsa Mosque building overflows, with thousands of worshippers who must make their prayers outside in the courtyards of the vast open expanse of the Noble Sanctuary. While the Dome of the Rock was constructed as a mosque to commemorate the Prophet's Night Journey, the building known as Al-Aqsa Mosque became a centre of worship and learning, with study circles for all the religious sciences, and from all schools of thought, attracting great teachers from all over the world. It was here that Imam al-Ghazali arrived for a period of retreat in the Sanctuary, near the end of the 11th century CE, and commenced work on his magnum opus, the "Revival of the Religious Sciences".



PALESTINE'S HOLY SITES

Palestine is home to many sites deemed sacred to the world's three great religions. Jerusalem alone, called by many the "holiest city in the world", is home to such structures as the Dome of the Rock and al-Aqsa Mosque, the Western Wall of the Temple Mount (holy to Jews) and the Church of the Holy Sepulchre (holy to Christians). Both Palestinians and Israelis believe Jerusalem to be their own true capital from the beginning of time.


The plot of land on the elevated stone platform known as Haram Ash-Sharif on Temple Mount, upon which sits the Dome of the Rock, is particularly sacred. The site was consecrated by the Israelites of Exodus and later, according to Jewish tradition, Prophet Abraham (AS) prepared to sacrifice his son Isaac upon a rock that protruded from the centre of the platform. Later still, upon the same platform, Solomon erected his temple. For Christians, in addition to the Old Testament Jewish associations, the Temple Mount was revered because of its place in the life and ministries of Jesus Christ.

For Muslims, the rock was sanctified by the story of the Prophet Muhammad's Miraaj or Night Journey to Jerusalem and then, from the top of the rock, his ascension to Heaven. Jerusalem is also held sacred as it was the first qibla of Islam, with Muslims originally praying towards Jerusalem until revelation came to the Prophet Muhammad (pbuh) designating Makkah as the new qibla. It was also in Jerusalem, after the death of Caliph 'Ali (RA), husband of Fatimah (RA), and son-in-law of the Prophet (pbuh), that the Arab leaders met in 660 AD to elect as their king, Mu'awiyah, the founder of the dynasty of the Umayyads. The Arab chroniclers report that his first act upon becoming king was to go and pray at Golgotha and then at Gethsemane.

sentiasa berubah-ubah mengikut masa, walau bagaimanapun bumi Palestin masih bersekitar kepada kawasan di antara Laut Mediterranean, Laut Mati dan Sungai Jordan. Sempadan geografi Palestin kini telah ditetapkan ketika Penjajahan British sekitar 1920 - 1923.

Ketika zaman pemerintahan Islam, *Bilad al-Shams* ini dibahagikan kepada beberapa bahagian *Ajnad*. Bahagian *Jund* Palestin merentas dari Semenanjung Sinai di Mesir ke bandar Al-Lajjun 18 kilometer di utara Jenin. Ketika ini bumi Palestin merangkumi kawasan seluas 27,009 kilometer persegi.

Palestin dianugerahkan suhu



Mediterranean yang amat sederhana, sesuai untuk penghidupan manusia dan perusahaan pertanian. Bumi Palestin boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama: tanah pinggir pantai, bahagian tengah yang berbukit dan banjaran Jordan. Dengan kemudahan pelabuhan dan aktiviti perdagangan yang pesat serta pusat aktiviti pertanian dan ekonomi maka bahagian pinggir pantai mempunyai kependudukan yang paling tinggi. Bahagian tengah yang berbukit termasuk genting Al-Naqab (*Negev*) dan Al-Jalil (*Galilee*), Nablus (*Samaria*) dan pergunungan Al-Khalil (*Hebron*) dan puncak tertingginya adalah gunung Al-Jarmaq (*Meron*) setinggi 1207 meter di utara Palestin. Semenjak dahulu kala, petani Palestin tinggal di kawasan bukit-bukau ini dan mengusahakan penternakan lembu serta pertanian seperti menanam sayuran dan buah-buahan.

Islam dan Palestin

Kesucian bumi Palestin di sisi kaum muslimin telah diterangkan dengan jelasnya di dalam al-Qur'an:

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestin) yang telah ditentukan Allah bagimu, dan janganlah kamu lari ke belakang (kerana takut kerana takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang rugi.

(Al-Maidah: 21)

Firman Allahswt yang bermaksud:

“Maha Suci Allah yang telah memperjalankan

hambaNya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Isra':1)

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan (telah Kami tundukkan) untuk Sulaiman angin yang sangat kencang tiupannya yang berhembus dengan perintahNya ke negeri yang Kami telah memberkatinya. Dan adalah Kami Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Al-Anbiya':81)

Palestin terdapat di dalamnya Masjidil Aqsa, kiblat pertama kaum Muslimin dan masjid ketiga paling suci dalam Islam selepas Masjidil Haram dan Masjidin Nabawi. Menziarahi Masjidil Aqsa adalah sunnah dan pahala bersolat di dalamnya bersamaan dengan 500 kali ganda pahala bersolat di masjid yang lain. Dalam satu hadis, Rasulullah saw bersabda:

“Umrah (ziarah) hanya untuk tiga masjid, Masjidil Haram, Masjidin Nabawi dan Masjidil Aqsa”

(*Riwayat Bukhari, Muslim, Ibn Majah, Abu Daud*)

Dalam satu hadis hasan yang lain, ar-Rasul saw bersabda:

“Solat di Masjidil Haram sama seperti 100,000 kali solat, solat di Masjidin Nabawi sama seperti 1,000 kali solat dan solat di Masjidil Aqsa sama seperti 500

kali solat”
(*Riwayat al-Tabarani*)

Bumi Palestin adalah tanah kelahiran para anbiya'. Al-Qur'an menyebutkan bahawa Nabi Ibrahim a.s., Nabi Lut a.s., Nabi Ismail a.s., Nabi Ishaq a.s., Nabi Yakub a.s., Nabi Yusuf a.s., Nabi Daud a.s., Nabi Sulaiman a.s, Nabi Saleh a.s., Nabi Zakaria a.s., Nabi Yahya a.s. dan Nabi Isa a.s. semuanya tinggal di Palestin dan rasul terakhir Nabi Muhammad s.aw. pernah menziarahi negeri ini. Beberapa orang lagi nabi yang tidak disebut di dalam al-Qur'an tetapi disebut di dalam hadis sahih seperti Nabi Usha'a a.s. juga pernah tinggal di bumi yang penuh berkat ini.

Palestin juga bumi bertuah kerana dipilih oleh Allah swt untuk memperjalankan (al-Isra') RasulNya di waktu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya dari sini baginda di angkat ke langit (mikraj). Di Masjidil Aqsa inilah Allah swt mengumpulkan semua para rasul untuk mengerjakan solah dan diimamkan oleh Nabi Muhammad saw. Ini sebagai petanda bahawa mesej tauhid yang sama telah di bawa oleh semua para rasul.

Dalam satu hadis sahih ada menyebutkan bahawa *Bilad al-Sham* di mana Palestin sebahagian daripadanya adalah “penjaga dan pelindung kepada Islam” (*Riwayat al-Tabarani*) dan “pusat bagi keimanan” ketika krisis dan huru hara (*Riwayat al-Hakim dan Abu al-Naim*). Mereka yang tinggal di Palestin atas dasar Islam dan Iman adalah seumpama mujahid atau murabit pada jalan Allah seperti yang disahkan di dalam satu hadis riwayat al-Tabarani yang bermaksud:

“Penduduk al-Sham, isteri-isteri, anak-anak dan hamba sahaya mereka semuanya adalah pejuang-pejuang *al-Mujahiduun* di atas jalan Allah. Sesiapa di antara mereka menduduki mana-mana dari kotanya adalah mujahid”

Satu lagi hadis telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad menyebutkan bahawa golongan yang tinggal di al-Sham terutamanya di Baitul Maqdis berada di jalan yang benar dan akan mencapai kejayaan.

Bukanlah sesuatu yang pelik atau asing bagi orang-orang Islam untuk sentiasa merasakan bahawa tanah yang suci dan lagi diberkati ini dekat di hati mereka dan bersedia untuk berkorban apa sahaja untuknya.



Palestin Dalam Sejarah Islam

Palestin Dalam Sejarah

Palestin sangat kaya dengan sejarah, menjadi bumi bagi ramai para Rasul selama berkurun-kurun lamanya dan menjadi landasan bagi banyak peradaban besar. Kedudukan Palestin di tengah-tengah laluan yang menghubungkan tiga benua menjadikan Palestin acuan bagi pelbagai pengaruh agama dan kebudayaan dari Mesir, Syria, Mesopotamia dan Asia Kecil.

Bilakah Palestin mula diduduki? Ianya masih menjadi tanda tanya tetapi pakar arkeologi telah menjumpai bukti di bahagian selatan Tasik *Tabariyya* menunjukkan bahawa manusia telah mendiami kawasan ini semenjak 600,000 tahun sebelum Masehi. Salah satu dari masyarakat dunia yang paling awal telah ditemui di kawasan Jericho yang terletak di lembah Sungai Jordan. Ianya terbentuk dari beberapa ratus kampung zaman batu pertengahan yang dikenali sebagai Kebudayaan *Natufian* (sekitar 10,500 - 8,500 S.M.). Malangnya tidak banyak yang diketahui mengenai Palestin selepas itu, jadi nukilan sejarah ini akan bermula dari bumi yang dulunya dikenali sebagai Kan'an.

Bumi Kan'an, 2000 SM

Lama sebelum tahun 3000 SM, kumpulan puak asal Yahudi yang bertutur loghat orang Kan'an telah menduduki kawasan yang kini dikenali sebagai timur tengah. Ramai dari mereka menetap di bumi Syria-Kan'an, sebahagian dari Palestin Purba. Tulisan orang-orang Mesopotamia menunjukkan bahawa kaum ini merupakan pengembala nomad dan pedagang. Salah satu daripada suku kaum ini,

Habiru atau *Hapiru* telah berhijrah ke Palestin mungkin seawal tahun 2000 SM dari utara Mesopotamia yang kemudiannya menjadi bangsa Yahudi (*Hebrew*) yang asal. Ketika kumpulan-kumpulan ini memasuki bumi Palestin, suku *Phoenesia* di utara dan bangsa Palestin di selatan telah mendiami kawasan-kawasan yang tertentu di Palestin.



Phoenician script



Phoenician female protome

Phoenesia adalah terjemahan bahasa Greek bagi “Kan’an - bumi bagi barangan berwarna ungu”, merujuk kepada warna pencelup kain di zaman itu. Mungkin ketika zaman Kan’an inilah Baitul Laham *Bethlehem* mendapat namanya. *Baitul Laham - Rumah kepada Lahman - Tuhan orang Kan’an*. Orang-orang Kan’an adalah dari keturunan Yahudi yang menggunakan bahasa yang hampir sama dengan bahasa Ibrani (*Hebrew*). Mereka adalah petani dan sebahagiannya hidup berpindah randah (nomad) tetapi mereka juga bertamadun. Mereka menjadikan kota-kota Mesopotamia sebagai model bagi membina bangunan-bangunan mereka sendiri. Mereka juga mempelajari undang-undang, teknik dan teknologi peperangan dari orang-orang Mesopotamia. Puak Kan’an telah membina hampir 200 kota dan perkampungan seperti *Beisan (Beit Shean)*, *‘Asqalan (Askelon)*. *‘Akka (Acre)*, *Haifa*, *Al-Khalil (Hebron)*, *Asdud*, *Bir Al-Saba (Beersheba)* dan *Baitul Lahm (Bethlehem)*. Ahli sejarah

menyatakan bahawa orang-orang Palestin hari ini adalah dari keturunan Kan'an, Amorites, puak Philistine dan puak Arab yang telah mendiami bumi Palestin sebelum dan sesudah kedatangan Islam. Mereka akhirnya telah memeluk Islam untuk membentuk satu bangsa yang bersatu dan dengan rela hati menerima Islam sebagai cara hidup mereka untuk selama 13 kurun lamanya.

Bumi para Anbiya'

Nabi Ibrahim a.s. telah membawa bendera tauhid ke bumi yang penuh berkat ini di sekitar tahun 1900 SM. Beliau bersahabat dengan Malki Sadiq, pemerintah Jerusalem ketika itu. Ayahanda Nabi Ibrahim a.s. telah diterima dengan baik oleh orang-orang Palestin ketika itu. Nabi Ibrahim a.s. telah meneruskan usaha penyebaran risalah tauhid tanpa banyak halangan hinggalah ke saat kewafatan baginda di sebuah kota yang dinamakan sempena namanya '*Al-Khalil*'. Dua anaknda baginda yang keduanya juga rasul meneruskan usaha dakwah baginda: Nabi Ismail a.s. di Mekah, Nabi Ishak a.s. dan anaknya Nabi Yaakub a.s. (*Israel*) menetap di Palestin. Anak Nabi Yaakub a.s seramai dua belas orang (*dikenali sebagai Banu Israel*) telah berhijrah ke Mesir. Di sana Firaun telah menyebabkan pelbagai kesusahan dalam hidup mereka. Di hujung abad ke 13 SM, Allah swt telah mengutus Nabi Musa a.s untuk menyelamatkan Bani Israel. Allah swt telah memusnahkan Firaun dan bala tenteranya dengan menenggelamkan mereka di Laut Merah ketika mengejar bani Israel ini.

Firman Allah swt yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) ketika Kami selamatkan kamu dari

(Firaun) dan pengikutnya; mereka menimpakan kepadamu seksaan yang seberat-beratnya, mereka menyembelih anak-anakmu yang laki-laki dan membiarkan hidup anak-anakmu yang perempuan. Dan pada yang demikian itu terdapat cubaan yang besar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah) ketika Kami belah laut untukmu, lalu Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan (Fir'aun) dan pengikut-pengikutnya sedang kamu sendiri menyaksikan." (Al-Baqarah: 49 - 50)

Walaupun terselamat dari Firaun, Bani Israel yang sombong dan degil masih enggan mengikut Nabi Musa a.s. untuk berhijrah ke Palestin.

Firman Allah swt yang bermaksud:

"Hai kaumku, masuklah ke tanah suci (Palestin) yang telah ditentukan Allah bagimu, dan janganlah kamu lari ke belakang (kerana takut kepada musuh), maka kamu menjadi orang-orang yang merugi. Mereka berkata, "Hai Musa, sesungguhnya dalam negeri itu ada orang-orang yang gagah perkasa, sesungguhnya kami sekali-kali tidak akan memasukinya sebelum mereka keluar daripadanya. Jika mereka keluar daripadanya, pasti kami akan memasukinya." (Al Maidah: 21-22)

Firman Allah swt lagi:

"Mereka berkata: "Hai Musa, kami sekali-kali tidak akan memasukinya selama-lamanya, selagi mereka ada di dalamnya, kerana itu pergilah kamu bersama Tuhanmu, dan berperanglah kamu berdua, sesungguhnya kami hanya duduk menanti di sini

sahaja.” (Al Maidah: 24)

Nabi Musa a.s akhirnya wafat sebelum sempat beliau memenuhi impiannya untuk kembali ke Palestin. Setelah hampir 40 tahun sesat di gurun Sinai, maka lahirlah generasi Bani Israel yang berikutnya yang taat kepada Allah swt di bawah pimpinan Nabi Usha' (*Joshua*) bin Noon a.s.

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Allah berfirman: “(Jika demikian), maka sesungguhnya negeri itu diharamkan atas mereka selama 40 tahun, (selama itu) mereka akan berputar-putar kebingungan di bumi (padang Tihi) itu. Maka janganlah kamu bersedih hati (memikirkan nasib) orang-orang yang fasik itu.”

(Al Maidah: 26)

Di sekitar tahun 1190 SM, bangsa Yahudi berpindah ke bumi Kan'an ini, mereka telah melalui zaman yang sukar dan perit bukan sahaja kerana mereka ketika itu masih tidak bertamadun, malah mereka menghadapi pula puak Kan'an yang menjadi musuh mereka. Catatan dari kitab-kitab Yahudi juga ada menjelaskan perihal penjajahan puak Kan'an ini. Bangsa Yahudi ini akhirnya dipaksa berpindah dari bahagian pantai ke bahagian tengah yang berbukit-bukau. Mereka bukan sahaja menghadapi puak Kan'an tapi juga puak Phillistine di bahagian selatan yang mempunyai teknologi persenjataan yang lebih baik menggunakan besi.

Pemerintahan Raja-raja.

Setelah hampir 200 tahun berusaha untuk mendapatkan hak di bumi Palestin akhirnya puak-puak Yahudi yang berpecah ini bersatu di bawah pemerintahan beberapa raja bermula dengan Pemerintahan Talut (*Saul*), seorang petani dari suku *Benjamin*. Beliau berusaha untuk mengambil semula wilayah-wilayah asal yang dijajah oleh puak Philistine. Usaha beliau diteruskan oleh Nabi Daud a.s. yang akhirnya berjaya menakluki kebanyakan kawasan kecuali di bahagian pantai. Beliau menjadikan Jerusalem sebagai ibu negeri pada tahun 995 SM .

a. Nabi Daud a.s., 1000 - 961 SM

Nabi Daud a.s. telah diutuskan oleh Allah swt tepat pada zaman kebangkitan Bani Israel menentang puak Philistine. Kebangkitan Nabi Daud a.s. dan kemudiannya dilantik sebagai Raja pada tahun 1004 SM, menerbitkan era baru bagi cahaya Tauhid di tanah haram ini. Beliau telah mengalahkan puak kuffar, menguasai sebahagian besar Palestin dan mengetuai bala tentera yang akhirnya membina bukan sahaja sebuah negara tetapi empayar Bani Israel.



Model kota di zaman Nabi Daud a.s

b. Nabi Sulaiman a.s., 961 - 922 SM

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan Kami kurniakan kepada Daud, Sulaiman, dia adalah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia amat taat kepada Tuhannya.”

Keamanan dan kemakmuran terus dinikmati oleh Bani Israel di bawah pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. Kesultanan Bani Israel yang bersatu di bawah pimpinan Nabi Sulaiman a.s. sebagai raja yang ketiga dan terakhir setaraf dengan kesultanan Mesir ketika itu. Ketika pemerintahan baginda, tidak ada lagi penjajahan dan peluasan wilayah. Tumpuan baginda diberikan kepada usaha berbaik-baik dengan negara jiran dan meningkatkan perdagangan. Di antara kejayaan Nabi Sulaiman a.s. adalah dalam pembinaan rumah ibadat dan istananya. Ini adalah titik tolak bagi Bani Israel yang merasakan mereka telah mencapai cita-cita membentuk sebuah negara yang setaraf dengan negara lain. Dianggarkan seramai 80,000 orang telah bekerja selama tujuh tahun untuk projek ini. Malangnya di saat kematian baginda, negara Bani Israel ini telah berpecah kepada dua bahagian. Pertamanya negara Israel di utara dan kedua Judah di selatan. 100 tahun selepas kewafatan Nabi Sulaiman a.s. empayar agung yang dibina oleh Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman a.s. telah tiada lagi dan tidak pernah kembali wujud.

c. Dua Kerajaan, 920 - 597 SM



Setelah kewafatan Nabi Sulaiman a.s., kerajaan baginda telah berpecah dua: bahagian utara, Israel dan bahagian selatan Judah. Bangsa Israel menjadikan Samaria sebagai ibu negara sementara bangsa Judah masih menggunakan Jerusalem sebagai ibu negara. Kedua-dua kerajaan ini merupakan dua negara yang terpisah selama 200 tahun lamanya. Empayar Bani Israel ini perlahan-lahan berpecah belah dan menjadi kecil hanya selepas 100 tahun kewafatan Nabi Sulaiman a.s. Oleh kerana kedudukannya di antara kerajaan Mesopotamia di utara dan kerajaan Mesir di selatannya, Israel dan Judah merupakan kawasan yang penting bagi tujuan perdagangan dan ketenteraan bagi dua kerajaan besar yang saling bertentangan ini. Keadaan Israel dan Judah yang kecil dan berpecah ini akhirnya mengundang padah. Kerajaan Israellah yang mula-mula ditimpa masalah kejatuhan

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Maka apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) pertama dari kedua (kejahatan) itu, Kami datangkan kepadamu hamba-hamba Kami yang mempunyai kekuatan yang besar, lalu mereka bermaharajalela di kampung-kampung, dan itulah ketetapan yang pasti terlaksana.”

(Al Israa': 5)

i. Penaklukan Israel

Negara yang lemah dan berpecah sudah tentulah tidak akan mampu mempertahankan diri mereka, akhirnya Israel jatuh ke tangan Assyria pada tahun 722 SM dan kerajaan Babylon pula menakluki Judah pada tahun 586 SM.

Orang-orang Assyria yang tinggal di utara Mesopotamia adalah satu bangsa yang gagah dan ganas. Sejarah pemerintahan mereka di timur tengah selalunya dikaitkan dengan sejarah peperangan yang berpanjangan. Untuk memastikan kelansungan penaklukan mereka, kerajaan Assyria memastikan penduduk asal negeri yang ditakluki mereka dipindahkan ke negara lain di bawah empayar mereka. Golongan atasan dan bijak pandai di kalangan puak yang ditawan ini menjadi keutamaan untuk dipindahkan berbanding rakyat biasa. Mereka kemudiannya memindahkan bangsa Assyria mendiami kawasan yang telah ditakluki ini. Ketika penaklukan Israel, kerajaan Assyria telah memastikan supaya penduduk Israel ini terpisah dan bertaburan di seluruh timur tengah seperti di utara Syria, Iraq dan Parsi. Apabila Judah di

takluk kerajaan Babylon kemudiannya, mereka juga telah memindahkan sebahagian besar populasi Bani Israel.

ii. Penaklukan Judah

Kerajaan Judah ditadbir dari ibu negaranya Jerusalem dari tahun 923 - 586 SM. Judah seringkali menjadi perebutan di antara kuasa besar ketika itu, Assyria, Babylon dan Mesir. Kerajaan Mesir di bawah pemerintahan Necho (disokong kuat oleh orang Assyria) telah menjatuhkan pemerintahan Jehoahaz, raja Judah. Ketika Babylon mengalahkan Mesir pada tahun 605 SM, Judah telah menjadi salah sebuah negeri di bawah empayar Babylon. Apabila Babylon kalah dalam peperangan dengan Mesir pada tahun 601 SM, raja Judah, Jehoiakim, berpaling tadah kepada kerajaan Mesir. Ini menimbulkan kemarahan pemerintah Babylon, Nebuchadnezzar. Beliau telah menghantar bala tenteranya pada tahun 596 SM ke Judah dan memusnahkan negeri ini. Jerusalem akhirnya diserahkan kepada Nebuchadnezzar yang kemudiannya melantik Zedekiah sebagai raja Judah yang baru. Seramai 10,000 orang bani Israel telah dipindahkan ke kota Babylon dan mereka dipilih dari kalangan profesional, orang-orang kaya dan tukang ukir yang mahir. Rakyat biasa pula dibenarkan terus tinggal di Judah. Walau bagaimanapun Zedekiah sekali lagi berpaling tadah dari kerajaan Babylon. Nebuchadnezzar sekali lagi menghantar bala tenteranya pada tahun 588 SM dan menakluki Jerusalem pada tahun 586 SM. Zedekiah telah ditangkap dan beliau dipaksa menyaksikan pembunuhan anaknya sendiri. Beliau kemudiannya dibutakan matanya dan dihantar ke Babylon bersama segolongan besar Bani Israel.

Kejadian yang menimpa bani Israel ini adalah kerana keengkarannya mereka mematuhi ajaran Tauhid.

Pemerintahan Bani Israel hanya bertahan selama kira-kira 400 tahun sahaja dan mereka juga tidak menguasai sepenuhnya Palestin ketika itu. Mereka sentiasa dalam keadaan lemah dan menjadi mangsa kepada kuasa besar. Namun begitu, penduduk Palestin, orang Kan'an dan yang lainnya tidak pernah meninggalkan negara ini ketika zaman sukar mereka.

Seterusnya, Maharaja Parsi, Cyrus telah mengizinkan bangsa Yahudi untuk pulang ke Palestin tetapi hanya sebilangan kecil saja yang kembali dan tinggal bersama orang-orang Palestin. Di antara tahun 539 - 332 SM, Jerusalem menikmati zaman pemerintahan sendiri di bawah kerajaan Parsi dan kemudiannya kerajaan Greek telah menguasai Palestin dari tahun 332 - 63 SM. Bermula dari tahun 164 SM, bangsa Yahudi secara perlahan-lahan mewujudkan pemerintahan sendiri di Jerusalem yang luasnya sentiasa berubah-ubah mengikut kuasa besar yang ada pada zaman tersebut.

Penjajahan Kerajaan Rom

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) yang kedua, (kami datangkan orang-orang lain) untuk menyuramkan muka-muka kamu dan mereka memasuki rumah ibadah mu sebagaimana musuh memasukinya pada kali pertama dan untuk membinasakan sehabis-habisnya apa saja yang mereka sukai. (Al Israa': 7)



Roman Helmet, 80 BC



Model of Jerusalem (Roman Period)

Pada tahun 63 SM, kerajaan Rom telah meletakkan Judah di bawah takluk mereka. Dinasti Herod dari kalangan bangsa Yahudi yang baik dengan kerajaan Rom telah menguasai takhta pemerintahan. Mereka telah memerintah Palestin dari tahun 40 SM hingga ke tahun 100 M. Salah seorang dari mereka yang masyhur adalah Herod Yang Agung yang

memerintah dari tahun 37SM hingga tahun 4SM. Beliau telah memulakan pembinaan sebuah rumah ibadat yang sangat besar di Jerusalem yang hanya siap 60 tahun selepas kematiannya.

Ketika pemerintahan Raja Herod, Nabi Isa a.s. telah dilahirkan. Beliau telah menyebarkan ajaran Tauhid selama 30 tahun kepada Bani Israel sebelum diangkat oleh Allah ke langit. Baginda telah mengumpulkan ramai pengikut dan para nabi di Galilee dan kemudiannya bergerak menuju ke Jerusalem dengan membawa risalah tauhid bagi membetulkan agama bangsa Yahudi ketika itu. Oleh kerana ajaran Nabi Isa dianggap menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran agama nenek moyang bangsa Yahudi, maka mereka telah menjatuhkan hukuman mati ke atasnya.

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Dan kerana ucapan mereka: “Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih, Isa putra Maryam, Rasul Allah, padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak pula menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh) ialah orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih paham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keragu-raguan tentang yang dibunuh itu.

(Surah An Nisaa': 157)

Kedegilan bangsa Yahudi ini dalam menerima ajaran tauhid Nabi Isa a.s. telah mengakibatkan mereka dilaknat oleh Allah swt. Mereka akhirnya diserang oleh tentera kerajaan Rom di bawah pimpinan Titus pada tahun 70

Masehi. Rumah ibadat yang telah dibina oleh orang-orang Yahudi akhirnya dirobohkan oleh Titus.

Selepas kematian Raja Herod, penindasan kerajaan Rom menjadi berleluasa dan berlaku penentangan bangsa Yahudi terhadap penindasan ini. Pemberontakan besar-besaran yang pertama di Judah berlaku pada tahun 70 Masehi dan berakhir dengan pertumpahan darah. Tentera Rom telah menumpaskan penentangan ini, memusnahkan rumah ibadat bangsa Yahudi dan telah mengepung kota Jerusalem. Tentera Rom mengambil masa selama 3 tahun lagi dengan kekuatan tentera seramai 10,000 orang untuk menghapuskan saki baki penentangan bangsa Yahudi yang berpusat di pergunungan Masada yang dijadikan kubu oleh bangsa Yahudi. Oleh kerana tidak mahu menyerah kalah kepada tentera Rom, seramai 960 orang Yahudi yang terdiri dari lelaki, perempuan dan anak-anak akhirnya telah membuat keputusan membunuh diri di sini.



Masada

Di antara tahun 132 - 135 Masehi, berlaku penentangan kedua dari bangsa Yahudi. Tentera Rom berjaya mematahkan penentangan ini dan lebih ramai orang Yahudi yang dihukum bunuh dan sebahagian besar dari mereka dijual sebagai hamba. Yang lainnya dilarang sama sekali memasuki Jerusalem. Tetapi masyarakat Yahudi terus wujud di sekitar Galilee, bahagian utara Palestin.

Pada tahun 135 Masehi, Maharaja Hadrian telah membina sebuah kota baru di Jerusalem yang dikenali sebagai Aelia Capitolina. Struktur perbandaran baru telah dilaksanakan yang sama sekali berbeza dari kota Jerusalem yang asal. Malahan kesan-kesan pemerintahan kerajaan Rom masih dapat dilihat hingga ke hari ini. Jerusalem tidak lagi menjadi pusat perdagangan dan agama. Bangsa Yahudi dilarang memasukinya malahan agama Kristian masih diharamkan ketika itu.

Di sekitar tahun 313 Masehi, Maharaja Constantine yang memerintah Rom telah membawa perubahan kepada status agama Kristian. Ianya menjadi agama rasmi empayar Rom. Perubahan ini memberi kesan yang ketara kepada Jerusalem. Banyak gereja telah dibina di sini yang akhirnya mengundang ramai pengikut Kristian ke Palestin. Ramai dari bangsa Yahudi akhirnya memeluk agama Kristian. Di bawah pemerintahan kerajaan Rom ini bumi Palestin mendapat namanya *Palaestina*. *Palaestina* menjadi *Palestine* dalam bahasa Inggeris.

Walaupun Palestin jatuh ke tangan Parsi pada tahun 614 Masehi, namun 15 tahun kemudiannya dalam tahun 629 Masehi, Maharaja Hereclius menakluk semula negeri ini.

Walau bagaimanapun tidak sampai satu abad kemudiannya, dalam tahun 638 Masehi, Palestine menyerah lagi kepada kebangkitan kuasa umat Islam Arab.

Palestin di bawah pemerintahan Islam 638 - 1099 Masehi

a. Pemerintahan Umayyah, 638 - 750 Masehi

Dengan kebangkitan Islam, Palestin akhirnya berada di bawah pemerintahan Bani Umayyah. Untuk pertama kalinya dalam sejarah Palestin, tidak berlaku pertumpahan darah ketika penyerahan bumi Palestin kepada Islam. Penduduk Jerusalem sangat berkeinginan untuk bernaung di bawah pemerintahan Islam yang sememangnya masyhur dengan sifat rahmah dan belas kasihan mereka. Ketika tentera Islam sampai ke Palestin, tanpa ragu-ragu lagi mereka telah menyerahkan kota Jerusalem kepada tentera muslimin. Mereka hanya meletakkan satu syarat: mereka mahu mengadakan rundingan dengan Khalifah Umar r.a sendiri. Sebagai balasan kepada penyerahan diri mereka, penguasa Jerusalem ketika itu, Sophronius, menuntut supaya hak penduduk Jerusalem untuk mengamalkan ajaran Kristian dipelihara. Syarat-syarat tersebut telah diterima dan Khalifah Umar r.a telah memasuki kota Jerusalem dengan berjalan kaki sahaja.

Mereka yang mahu meninggalkan kota Jerusalem dengan harta benda mereka dibenarkan berbuat demikian sementara yang mahu terus tinggal dijamin akan keselamatan nyawa, harta benda dan tempat ibadat mereka. Dengan itu bermulalah kehadiran Islam di bumi Palestin.



Illustration of the Umayyad Palaces

Pemerintah Islam tidak menggunakan paksaan untuk penduduk Palestin menganut Islam, tetapi kebanyakan mereka akhirnya memeluk Islam di kurun pertama pemerintahan Islam. Penduduk Palestin dari agama Krsitian dan Yahudi yang masih kekal dengan agama mereka diberikan autonomi atas perkara-perkara yang berkaitan agama mereka. Di bawah pemerintahan Islam, penduduk Yahudi dibenarkan kembali semula ke Palestin. Di kurun pertama pemerintahan Islam di Jerusalem, Khalifah Abd Al-Malik ibn Al Marwan telah membina 'Dome of the Rock' - Masjid Kubah Batu pada tahun 691 M. Di sinilah tempat dimana Nabi Muhammad saw diangkat dari bumi ke langit ketika Mi'raj.

b. Pemerintahan Abbasiyyah, 750 - 1099M

Pemerintahan Bani Abbasiyyah telah meneruskan pemerintahan Bani Umayyah sebelumnya. Mereka telah memindahkan pusat pentadbiran kerajaan Islam dari Damascus ke Baghdad. Kerana jauh dari pusat

pemerintahan kerajaan maka kepentingan Jerusalem sebagai pusat politik dan ekonomi mula berkurangan. Populasi penduduk dan saiz kota Jerusalem juga menjadi kecil. Walau bagaimanapun kepentingan Jerusalem sebagai pusat agama masih kekal. Mereka terlibat sama dalam arus kebangkitan dan kemajuan peradaban Islam.

c. Tentera Salib, 1099M

Pada 15 Julai 1099, Jerusalem akhirnya jatuh ke tangan tentera salib selepas dikepung selama 5 minggu dan mereka seterusnya telah membunuh ramai orang-orang Islam dan Yahudi. Selepas 460 tahun di bawah pemerintahan Islam, tentera Salib telah mengembalikan semula Jerusalem ke tangan orang-orang Kristian dan telah mengisytiharkan bahawa kota ini sebagai ibu negara kerajaan Jerusalem.

Berlaku perubahan besar kepada populasi penduduk. Kebudayaan barat mula ditonjolkan. Bahasa Perancis menjadi bahasa rasmi dan bahasa Latin menjadi bahasa dalam ibadat mereka. Penduduk Islam dan Yahudi telah digantikan dengan penduduk Kristian Eropah dan Timur. Jerusalem sekali lagi menjadi kota bercirikan Kristian.

d. Pemerintahan Islam, 1187 - 1917M

Pada tahun 1187M, setelah diserang berkali-kali akhirnya Salahuddin Al Ayyubi, telah berjaya menewaskan tentera salib dan Jerusalem jatuh semula ke tangan umat Islam. Kota Jerusalem telah dibangunkan semula oleh beliau dengan pembinaan berbagai kemudahan awam.

Salahuddin telah membina benteng disekitar kota Jerusalem sebagai pertahanan.



Pada tahun 1260, Raja Mamluk dari Mesir telah menakluki Palestin dan menjadi penguasa Jerusalem yang baru. Kerajaan Ottoman Turki kemudiannya telah mengalahkan Raja Mamluk pada tahun 1517. Palestin diletakkan di bawah pemerintahan empayar Othmaniyyah untuk selama 400 tahun berikutnya.



Pemerintahan Islam di Palestin selama 12 kurun yang berakhir secara mengejut pada tahun 1917 adalah di antara pemerintahan yang terpanjang dan menyeluruh dalam sejarah Palestin. Malahan mereka juga amat toleran dan bertimbangrasa terhadap agama-agama yang lain. Rekod umat Islam dalam mentadbir bumi yang penuh berkat adalah sangat cemerlang dan kemampuan mereka melindungi kesucian bumi Palestin ini amatlah terpuji.

Kekuatan pengaruh Islam ke atas bumi Palestin diperkuatkan lagi dengan kedatangan para sahabat Rasulullah saw dan mereka akhirnya menetap di sini. Mereka terlibat dalam penyebaran dakwah kepada penduduk Palestin. Di antaranya Ubadah bin al-Samit, Shaddad bin Aws, Usamah bin Ziyad bin Harithah, Wathilah bin al-Asqa', Fairuz al-Daylami, Dihyah al-Kalbi, Abd Rahman bin Ghanam, Thu al-Asabi'i al-Tamimi, Abu Ubay bin Haram al-Ansari, Unayf bin Millah al-Judhami, Abu Ruwayhah al-Faz'ai, Aws bin Al-Samit, Mas'ud bin Aws bin Zayd, Zinba'a bin ruh, Suwayd bin Zayd dan para sahabat yang lain yang menetap dan dikebumikan di tanah suci ini.

Di antara para Tabiin dari bumi Palestin adalah Raja' bin Haiwah al-Kindi yang telah menasihati Khalifah Sulaiman bin Abd al-Malik untuk menyerahkan pemerintahan beliau kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Yang lainnya adalah Ubadah bin Nusai al-Kindi dan Rawh bin Zinba. Di antara para Tabiin yang tinggal atau pernah melawat bumi Palestin adalah Malik bin Dinar, Al-Awza'i, Hani bin Kalthum, Hameed bin Abdullah al-Lakhmi, Sufyan al-Thawri dan Ibnu Shihab al-Zuhri.

Imam al-Shafi'e juga telah dilahirkan di Gaza, Palestin. Di antara ulama besar Islam yang tinggal atau pernah melawat Palestin adalah Ibrahim bin Adham, al-Laith bin Sa'd, Abu Bakr Muhammed al-Tartoushi, Abu Bakr al-Jurjani dan Ibn Quddamah al-Maqdisi. Ringkasnya Palestin merupakan pusat peradaban Islam yang terkemuka dan menjadi tumpuan ramai cendekiawan Islam. Anak-anak kelahiran Palestin seperti al-Fatih (Musa bin Nusayr al-Lakami yang menakluki Andalus) dan bapa kesusasteraan Abdul Hamid bin Yahya al-Katib, telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan zaman kegemilangan umat Islam.

Bangsa Yahudi menuntut hak mereka ke atas bumi Palestin

Bangsa Yahudi dan penyokong-penyokong mereka kini terus menjajah bumi Palestin di atas alasan dan faktor-faktor sejarah dan agama. Mereka mendakwa mempunyai hubungan yang kuat dengan bumi Palestin dari segi sejarah dan kerohanian. Tambahan pula Palestin menjadi tempat tinggal mereka dan pernah diperintah oleh nenek moyang mereka yang terdahulu. Di hati mereka bumi Palestin tersangat suci.

Memang sepatutnya bangsa Yahudi mempunyai kebebasan beragama sepenuhnya dan tiada sesiapa pun yang berhak memaksa mereka menukarkan agama dan kepercayaan mereka. Bagaimanapun dakwaan di atas bukan alasan bagi mereka untuk mengusir keluar penduduk Palestin yang lain dan merampas tanah, harta

dan tempat-tempat suci mereka.

Kita orang-orang Islam sebaliknya mempunyai asas kukuh untuk menolak dakwaan bangsa Yahudi ke atas tanah suci Palestin. Kita yakin bahawa Allah swt telah mengamanahkan tanah suci ini kepada bani Israel dengan syarat mereka tunduk dan patuh kepada ajaran tauhid yang dibawa oleh para rasul dan nabi-nabi. Malangnya tindakan mereka membunuh rasul-rasul ini dan keengganan mereka mematuhi ajaran tauhid malahan menggalakkan pula rasuah dan kemungkaran, menyebabkan mereka kehilangan terus hak memiliki bumi Palestin yang suci ini. Kita orang-orang Islam adalah satu-satunya golongan yang berhak ke atas bumi Palestin sekiranya kita masih terus berpegang kepada Islam dan mengikuti sunnah Rasulullah saw yang merupakan penerusan kepada risalah tauhid yang dibawa oleh nabi-nabi Bani Israel yang lalu seperti Nabi Ibrahim a.s., Nabi Ishak a.s., Nabi Yaakub a.s., Nabi Ismail a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Daud a.s., Nabi Sulaiman a.s. dan Nabi Isa a.s.. Isunya bukan berkaitan perkauman atau keturunan tetapi suatu pertalian dan hubungan yang kukuh dengan asas-asas tauhid dan agama yang suci seperti yang dijelaskan di dalam al-Qur'an.

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan (pula) seorang Nasrani, akan tetapi dia adalah seorang yang lurus lagi berserah diri (kepada Allah) dan sekali-kali bukanlah dia termasuk golongan orang-orang musyrik. Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan Nabi ini (Muhammad) serta orang-orang yang beriman (kepada Muhammad)

dan Allah adalah Pelindung semua orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Imran: 67-68)

“Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Ya’qub. (Ibrahim berkata): “Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam.”

(Surah Al Baqarah: 132)

“Dan (ingatlah) ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia”. Ibrahim berkata: “(Dan saya mohon juga) dari keturunanku. Allah berfirman: “JanjiKu (ini) tidak mengenai orang-orang yang zalim.”

(Surah Al Baqarah: 124)

Allah swt telah berfirman kepada Nabi Ibrahim as bahawa menjadi imam dan kepimpinan hanya khusus untuk mereka yang soleh dan beriman dari kalangan pengikut dan keturunannya dan tidak sekali-kali boleh diberikan kepada yang mungkar di kalangan mereka.

Kalau sekiranya hak kepimpinan ini hanya berdasarkan keturunan maka orang-orang Israel tidak boleh menafikan hak orang-orang Arab *‘Adnani* ke atas bumi Palestin kerana mereka juga berasal dari keturunan Nabi Ismail a.s. anak Nabi Ibrahim a.s.

Dakwaan bangsa Yahudi bahawa faktor sejarah menjadikan mereka lebih berhak ke atas Palestin juga tidak berasas. Mereka hanya sempat memerintah sebahagian kecil kawasan di bumi Palestin malahan pemerintahan mereka hanya berlansung selama 4 kurun sahaja sedangkan pemerintahan Islam berlanjutan selama 12 kurun (636M - 1917M). Bangsa Yahudi sebaliknya ramai yang telah meninggalkan Palestin dan hubungan mereka dengannya terputus untuk hampir selama 18 kurun lamanya (135M - kurun ke 20). Penduduk asal Palestin pula tidak pernah meninggalkan bumi Palestin untuk selama 4,500 tahun hinggalah kepada pengusiran secara paksa oleh kumpulan pegganas Yahudi pada tahun 1948. Namun mereka tidak pernah menyerah kalah malah terus berusaha untuk menegakkan kembali hak mereka ke atas bumi Palestin.

Di samping itu, penyelidik dan cendekiawan Yahudi sendiri seperti Arthur Koestler dalam bukunya "*The Thirteenth Tribe: The Khazar Empire and its Heritage*", menjelaskan bahawa 80 peratus dari orang Yahudi di seluruh dunia lansung tiada kaitan dengan Bani Israel atau negara Palestin. Sebahagian besar bangsa Yahudi hari ini adalah keturunan Yahudi *al-Kazaar*, berasal dari suku Tartar-Turki yang menetap di kawasan Caucasus di selatan Rusia. Mereka diyahudikan pada kurun ke 8 Masehi di bawah pemerintahan Maharaja Bulan. Malangnya kerajaan beliau tidak bertahan lama dan akhirnya bangsa Yahudi bertaburan di Rusia dan Eropah Timur. Mereka inilah yang kini dikenali sebagai Yahudi *Ashkenaz*. Kalaulah sekiranya mereka dikatakan berhak untuk 'kembali' ke kampung halaman mereka maka tempatnya adalah di selatan Rusia bukannya bumi Palestin.

Latar belakang Isu Palestin dalam Sejarah Modern



Latar belakang Isu Palestin dalam Sejarah Moden

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, selain dari sedikit sentimen agama, bangsa Yahudi tidak lansung mempunyai apa-apa hubungan dengan bumi Palestin selama 1800 tahun. Dosa dan kesalahan yang mereka lakukan selama itu, menyebabkan pemimpin agama mereka mengakui sendiri bahawa bangsa Yahudi memang patut menerima balasan kesusahan sedemikian dan akan kekal dalam keadaan demikian sehinggalah munculnya al-Masih yang mereka dakwa akan menyelamatkan mereka dan membantu mereka membina negara Yahudi di Palestin.

Beberapa perkembangan penting di Eropah bagaimanapun memberi kesan mendalam kepada aspirasi bangsa Yahudi juga keseluruhan projek Zionis. Semuanya adalah kerana di kurun ke 16 Masehi, muncul gerakan reformasi Protestant yang sangat popular di Britain, USA, Belanda dan sebahagian negara German. Pemimpin agama Protestant bertukar menggunakan ajaran Kitab Perjanjian Lama *Old Testament* yang berpendapat bahawa bangsa Yahudi yang berselerakan adalah penduduk asal Palestin yang semuanya akan berhimpun semula di bumi Palestin menunggu kedatangan Al-Masih yang akan mengkristiankan mereka dan memulakan zaman 1000 tahun era kebahagiaan di muka bumi ini *millenarianism*. Jadi muncullah fahaman yang dikenali sebagai Zionis bukan Yahudi "*non-Jewish Zionism*" yang dinaungi oleh puak Protestant yang menyokong usaha bangsa Yahudi atas dasar agama.

Di kurun ke 19, Eropah pula menyaksikan perkembangan politik yang penting. Kemunculan negara-negara sekular

Eropah yang memisahkan politik dari agama dan gereja mereka, mula mendapat momentum selepas Revolusi Perancis 1789. Semangat nasionalisma dan patriotisma beransur-ansur menguasai suasana di Eropah.

Dalam suasana yang liberal ini, bangsa Yahudi juga ikut menjadi liberal dan bebas. Mereka telah diberikan hak sebagai rakyat terutamanya di Eropah Barat. Suasana yang selesa ini digunakan oleh bangsa Yahudi untuk menembus masuk rejim sekular ini dan akhirnya berjaya mempromosikan tatacara politik dan sosio ekonomi mereka.

Sementara itu, semangat nasionalisma dan patriotisma di Rusia dan Eropah Timur mengalami perubahan mendadak. Bangsa Yahudi, yang tertumpu di wilayah-wilayah ini, telah menyertai gerakan revolusionari menentang pemerintahan Tsar Rusia. Mereka menentang Tsar yang melaksanakan pemerintahan kejam dan menindas dalam program asimilasi dan modenisasi mereka. Pada tahun 1881, kegagalan satu percubaan untuk membunuh Tsar Alexander II yang dirancang oleh bangsa Yahudi mengakibatkan Rusia dan Eropah Timur melancarkan kempen keganasan dan pembunuhan berdarah terhadap bangsa Yahudi. Gejala anti-semitik menimbulkan apa yang dipanggil "Permasalahan Yahudi" - *Jewish Problem*. Orang-orang Yahudi Rusia, tanpa menunggu-nunggu lagi mencari jalan bagi menyelamatkan diri mereka, malahan beratus-ratus ribu lagi orang Yahudi berpindah ke Eropah Barat dan benua Amerika. Kesempatan waktu dan ketika ini memberi ruang bagi pergerakan Zionis menggandakan usaha mereka bagi mencari penyelesaian kepada *Jewish Problem* dengan

mencadangkan penubuhan entiti Yahudi di Palestin. Banyak Orang-orang Eropah dan Amerika bersimpati dengan usaha mereka ini berdasarkan sama ada alasan agama ataupun hanya semata-mata kerana mahu mengelak kebanjiran kedatangan bangsa Yahudi ke negara mereka.

Pada masa yang sama perpecahan yang berlaku di bawah pemerintahan Khalifah Othmaniyah Turki, dan kesungguhan kuasa Eropah untuk mengagihkan di kalangan mereka wilayah-wilayah pemerintahan Khalifah Othmaniyah, menjadi asas yang sesuai bagi melaksanakan "projek Yahudi" - *the Jewish Project*. Sebenarnya dalam satu persidangan pihak penjajah imperialis di London dari tahun 1905 hingga 1907 satu cadangan bagi *buffer state* di Palestin telah timbul dan diajukan kepada Perdana Menteri British, Campbell Bannerman. Idea ini asalnya bertujuan untuk mewujudkan entiti pro-barat di timur Meditarranean yang akan menjadikan manusia sebagai benteng pertahanan dari ancaman orang-orang Islam di kawasan tersebut. Bangsa Yahudi tanpa ragu-ragu lagi adalah senjata terbaik bagi melaksanakan rancangan jahat imperialis barat ini.

Oleh yang demikian, faktor sebenar di sebalik penubuhan *buffer state* ini di tengah-tengah dunia Islam bertujuan untuk memisahkan di antara orang-orang Asia dan Afrika serta mencegah usaha penyatuan di antara mereka.

Entiti Yahudi yang ganas ini telahpun diprogramkan untuk berhadapan dengan ummah Islam dalam satu pertentangan yang kompleks dan panjang yang akhirnya akan menghancurkan kuasa ketenteraan dan ekonomi negara-negara Islam serta melumpuhkan kuasa politik mereka.

Sebaliknya ini akan mengekalkan kuasa ketenteraan dan ekonomi barat dan kuasa besar di situ. Di kala barat mahu memastikan penerusan entiti Zionis tersebut, kejayaan program Zionis ini amat penting bagi pelaksanaan matlamat penjajah imperialis barat di kawasan ini. Muslim perlu memahami bahawa perancangan musuh mereka ini bukan sahaja ditujukan kepada penduduk Palestin malahan ianya dihalakan kepada keseluruhan ummah yang sedang berusaha untuk bersatu.

Puak Kristian Barat telah melalui zaman sengsara yang panjang selama 11 kurun berhadapan dengan pemerintahan Islam yang sangat hebat dan kuat. Pemerintahan Khalifah Islam dari khalifah Ar-Rasyidiin, Bani Umayyah, Abbasiyyah dan Mamluk semuanya telah berjaya memberi kekuatan kepada ummah, berjaya mengekalkan maruah dan kesatuan di antara mereka dan berjaya mengekalkan kegemilangan pemerintahan Islam. Malahan khalifah Othmaniyah yang mengambil alih pemerintahan Mamluk masih menjadi penaung kepada Islam selama beberapa kurun lamanya. Mereka berjaya menguasai sebahagian besar Eropah Timur, menyatukan dunia Arab di bawah pemerintahan Islam dan menyelamatkan ummah dari penjajahan budaya barat. Malangnya kemerosotan pengaruh dan kuasa mereka di kurun ke 18 memberikan inspirasi kepada kuasa besar negara Imperialis Eropah terutamanya di kurun ke 19 dan 20 untuk mencari kaedah dan jalan untuk menghalang bangkitnya dunia Islam walau dengan apa cara sekalipun. Demikianlah sebab wujudnya *buffer state*, kod nama untuk perancangan mewujudkan entiti Zionis di bumi Palestin.

Perkembangan Politik Isu Palestin sehingga tahun 1914

Kejayaan Napoleon menakluk Mesir dengan mudah pada bulan Julai 1798 memberikan keyakinan kepada kuasa Eropah akan betapa tenatnya pemerintahan khalifah Othmaniyyah. Mereka mula membahagikan di antara mereka wilayah-wilayah di bawah pemerintahan Othmaniyyah. Walaupun tentera Perancis ini akhirnya dikalahkan di Acre pada tahun 1799, Napoleon merupakan pemerintah dari Eropah yang pertama menjemput bangsa Yahudi menubuhkan pemerintahan mereka sendiri di Palestin.

Britain ketika itu kuasa besar dunia, amat menyedari akan kepentingan Mesir dan *Bilad al-Sham* dalam memenuhi perancangan besar imperialis mereka di Timur Tengah. Seawal tahun 1838, Britain telah membuka kedutaan mereka di Jerusalem yang menjadi syurga bagi bangsa Yahudi sehinggalah perang dunia pertama pada tahun 1914. Malahan, arahan pertama yang diberikan oleh Kementerian Luar kepada Timbalan Konsul Britain di Jerusalem ketika itu adalah untuk memberikan perlindungan kepada semua orang Yahudi tanpa mengira taraf kewarganegaraan mereka. Setelah menakluk Cyprus dalam tahun 1878 dan kemudiannya Mesir dalam tahun 1882, Britain menjadi satu-satunya kuasa besar Eropah yang mempunyai markas ketenteraan di timur Mediterranean. Tetapi mereka sebenarnya masih menumpukan perhatian kepada Palestin oleh kerana faktor sejarah dan keagamaan. Tambahan pula lokasi Palestin amat strategik bagi mempertahankan Terusan Suez dan seterusnya hubungan komunikasi Britain dengan India. "Projek Zionis" yang memberikan fokus kepada *buffer state*, dengan itu disokong

penuh oleh kerajaan British untuk memenuhi agenda imperialis mereka dalam soal agama, kebudayaan dan politik.

Bangsa Yahudi dan Zionis sememangnya sangat bercita-cita untuk kembali ke Palestin lama sebelum hujung kurun ke 19. Malah ini dapat dibuktikan semenjak kurun ke 16 lagi dan sebuah buku yang ditulis oleh peguam British H. Finch dan diterbitkan pada tahun 1621 ada mengajak bangsa Yahudi pulang dan memerintah Palestin.


Buku ini diikuti oleh banyak penulisan lain yang ditulis oleh bijak pandai Kristian dan Yahudi, misalnya empat penulis Kristian: Jean J. Rousseau (1712-1778), J. Priestly (1733-1804), Shaftsbury dan L. Olivant; dan penulis Yahudi: Isaac Newton (1643-1727), Shabbetai Zvi (1626-1676), Yehuda Alkalil (1798-1878), dan Moses Hess (1812-1875). Tetapi fahaman "Kepulangan Bangsa Yahudi" masih belum disusun menjadi program politik yang terancang dan boleh diimplementasikan. Sebaliknya ianya sering dikaitkan dengan sentimen agama yang menggalakkan penganutnya mengadakan lawatan ke Palestin atau tinggal berhampiran dengan tanah suci ini. Bilangan orang Yahudi ketika itu masih kecil, 5000 dalam tahun 1799 dan 13,920 dalam tahun 1876.

Dengan meningkatnya *Jewish problem* di Rusia, bermula dari tahun 1882, penghijrahan orang Yahudi ke Palestin telah meningkat. Walau bagaimanapun di atas kawalan ketat yang dikenakan oleh Kerajaan Othmaniyyah ketika itu, dari 2,366,941 orang Yahudi yang keluar dari Rusia, hanya 55,000 (2.2%) yang sampai ke Palestin. Yang lainnya berpindah ke USA, Eropah Barat dan Amerika Selatan.



Theodore Herzl

Tertubuhnya Pertubuhan Zionis Antarabangsa - *World Zionist Organisation WZO* di bawah kepimpinan Theodore Herzl, ketika persidangan pertamanya yang diadakan di Switzerland pada 27 - 29 Ogos 1897, mengorak langkah kepada proses yang sistematik kepada pembentukan negara Yahudi di bumi Palestin.



Switzerland 1897

Herzl secara aktif menggunakan saluran diplomatik untuk mendapatkan sokongan kuasa besar dunia bagi menyokong tuntutan bangsa Yahudi ke atas Palestin. WZO juga berusaha merasuah Sultan Abd al-Hamid (1876 - 1909) supaya beliau menjual Palestin kepada Yahudi dan membenarkan pemerintahan sendiri Yahudi di bawah khalifah Othmaniyyah. Sultan Abd al-Hamid menolak tawaran Yahudi ini dan menentang rancangan mereka. Baginda telah menulis suratnya yang bersejarah kepada Herzl yang di antaranya berbunyi:

“Aku menasihatinya supaya tidak meneruskan usaha sia-sia ini. Aku tidak mampu untuk menjual walau sekakipun tanah Palestin ini kerana ianya bukan milikku tetapi milik rakyatku. Rakyatku membina dan mempertahankan empayar ini dengan jihad dan darah, dan kita akan mempertahankannya sehingga ketitisan darah terakhir. Biarlah orang Yahudi menyimpan kembali duit mereka. Sekiranya empayar ini berpecah mereka mungkin akan mendapat bumi Palestin ini secara percuma. Tetapi perpisahan ini hanya akan terjadi di atas jasad kami yang telah mati dan kami tidak akan membiarkan ini terjadi walau dengan apa cara sekalipun.”

Orang-orang Yahudi, seperti yang dijangkakan memainkan peranan penting dalam menjatuhkan pemerintahan Sultan Abd al-Hamid. Melalui pengaruh mereka yang kuat di dalam “*Young Turk Society*” dan “*Committee of Union Progress*” merekalah yang menjadi perancang utama sehingga membawa kepada kejatuhan Sultan dari takhta pada tahun 1909. Menambahkan lagi

duka ummah Islam, delegasi yang diutuskan kepada Sultan supaya baginda meletakkan jawatan termasuklah Emanuel Qrasow yang berusaha untuk merasuah Sultan sebelum itu. Yahudi masih berpengaruh dalam pemerintahan baru selepas itu dari tahun 1909 - 1914. Dalam kabinet yang dibentuk oleh *Young Turk Society* pada tahun 1913, 3 dari 13 jawatan menteri diberikan kepada Yahudi. Orang Arab hanya diperuntukkan satu kerusi walaupun bangsa Arab meliputi separuh dari empayar Othmaniyyah.

Penentangan orang Palestin terhadap “Projek Zionis” ini bermula seawal tahun 1886 lagi apabila sekumpulan petani bertelagah dengan pendatang Yahudi. Di samping itu, akhbar Palestin seperti *al-Karmel* dan *Falastin* aktif menyiarkan rencana mengenai bahayanya fahaman Zionis. Mujadid terkenal Rashid Rida dalam tulisannya di majalah *Al Manar* dan beberapa orang pembesar Palestin seperti Yusuf Dia Al-Khalidi, Sulayman Al-Taji Al-Faruqi dan Is’af Al-Nashashibi juga berperanan dalam meneruskan penentangan ini. Polisi “*Young Turk Society*” yang pro-Zionis menyebabkan lebih ramai orang-orang Palestin menyertai pertubuhan-pertubuhan Arab yang mendesak supaya diadakan reformasi dalam pemerintahan Khalilfah Othmaniyyah seperti *Hizb al-Lamarkaziyyah* dan *Arabiyyah al-Fatah*.

Isu Palestin ketika Perang Dunia Pertama 1914 - 1918

Ketika bermulanya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914, bilangan orang Yahudi di Palestin hanya sekitar 80,000 orang. Tetapi oleh kerana mereka menunjukkan sokongan kepada kerajaan British dan sekutunya terhadap kerajaan

Othmaniyyah, maka kerajaan Othmaniyyah ketika itu telah mengenakan sekatan kepada aktiviti dan pergerakan mereka. Dengan itu bilangan mereka akhirnya menjadi lebih sedikit sekitar 55,000 orang di akhir Perang Dunia Pertama.

Walaupun peperangan ini memberikan kemusnahan kepada semua pihak sehingga bangsa Yahudi bertaburan di seluruh Eropah namun pihak Zionis antarabangsa masih mampu meneruskan usaha mereka dengan kehadiran beberapa orang pemimpin baru seperti penjenayah Zionis, Chaim Weizzman yang tinggal di London. Beliau dilahirkan di Rusia tetapi menetap di London dan bekerja sebagai pensyarah kimia di Universiti Manchester. Beliau merupakan presiden pertama negara Israel pada tahun 1948.



Chaim Weizmann

Dalam usaha Britain untuk menang dalam Perang Dunia Pertama ini dan mengekalkan penguasaan mereka ke atas *Bilad al-Sham* dan Iraq yang sangat strategik, Britain telah

melancarkan 3 perjanjian diplomatik yang jelas bercanggah dari segi kandungannya dalam menentukan masa depan Palestin.

1. Yang pertama melibatkan tawaran yang licik kepada Husain ibn Ali - *Al-Sharif*, Amir Hijaz supaya beliau melancarkan revolusi negara Arab terhadap pemerintahan Othmaniyyah. Beliau dijanjikan dcengan kemerdekaan kebanyakan negara Arab yang akan berada di bawah pemerintahan beliau sendiri. Wilayah negara Arab yang terlibat termasuklah Arab Saudi, Bilad al-Sham dan Iraq. Walaupun di awalnya, orang-orang Arab setuju untuk mengeneipikan segala salah faham dengan Khalifah Othmaniyyah dan bersatu dalam jihad menentang golongan kuffar, namun pemimpin Arab kecewa dengan polisi *The Young Turks* yang melemahkan kredibiliti Islam di bawah Khalifah Othmaniyyah. Mereka juga marah dan geram dengan tindakan pemimpin khalifah Othmaniyyah, Jamal Pasha al-Sagheer kerana melaksanakan hukuman bunuh ke atas beberapa orang Arab Syria.

Sementara itu Britain dengan sengaja melengahkan komitmen mereka dalam menentukan persempedanan negara Arab seperti yang diminta oleh *al-Sharif*. Pada 24hb Oktober 1915, British telah meminta supaya satu pentadbiran khusus disusun di selatan Iraq dan beberapa negara Arab yang lain dikecualikan dari persempedanan tersebut: Marsin, Adana, Aleppo, Hims, Hamah, selatan Yaman dan Emiriyah Teluk Arab. Walaupun begitu *al-Sharif* tetap mahukan wilayah Aleppo, Hims dan Hamah

(Lebanon). Akhirnya kedua-dua pihak bersetuju mengeneipkan isu ini sehingga tamat peperangan dan *al-Sharif* dengan rasminya mengumumkan persyarikatannya dengan Britain. Pada 10 Jun 1916, beliau mengisytiharkan revolusi Arab menentang kerajaan Othmaniyyah. Beliau disokong oleh beberapa pertubuhan Arab seperti *Arabiiyyah al-Fatah*, *al-Lamarkaziiyyah* dan *al-Ahd* di Palestin.

2. Di ketika yang sama mereka berunding dengan *al-Sharif*, Britain melakukan perundingan rahsia dengan Perancis dan Rusia berhubung masa depan Iraq dan *Bilad al-Sham*. Maka terhasilnya perjanjian **Sykes-Picot** memberikan Britain penguasaan ke atas Iraq, timur Jordan dan kawasan Haifa di Palestin, sementara kedua-dua Syria dan Lebanon diletakkan di bawah penguasaan Perancis.



Walau bagaimanapun, bumi Palestin yang strategik dan sensitif diletakkan di bawah pengawasan antarabangsa.

3. Pihak British sementara itu melakukan perundingan yang lebih serius dengan Pertubuhan Zionis Antarabangsa *WZO*. Sokongan British kepada Zionis sememangnya kuat tambahan pula Perdana Menteri Britain ketika itu Lord Llyod dan Setiausaha Luarnya, Balfour merupakan penyokong kuat projek Zionis. Menteri Dalam Negeri British pada ketika itu juga, Herbert Samuel dilahirkan dari keluarga Yahudi. Dengan segala usaha British ini maka siaplah **Deklerasi Balfour** pada 2 November 1917 di mana British berusaha mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin.



Arthur Balfour

Ini merupakan usaha yang paling jahat dalam sejarah peradaban dunia kerana dengan jelas ianya mencabuli perjanjian antarabangsa dan dengan angkuhnya menidakkan hak dan aspirasi penduduk bumi Palestin yang sah. Sesungguhnya, bumi suci ini telah diberikan oleh orang British yang lansung tiada hak ke atasnya kepada sekelompok manusia

Yahudi yang lansung tidak patut memilikinya. Sungguh menjijikkan, kerana di waktu yang sama Britain melakukan penindasan dan kezaliman kepada umat manusia, mereka juga memperkatakan soal kemuliaan negara mereka dan menganggap diri mereka sebagai pelindung kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Syarat-syarat di dalam kedua-dua perjanjian **Sykes-Picot** dan **Deklerasi Balfour** yang memalukan ummah itu akhirnya didedahkan kepada umum oleh komunis Rusia yang telah berundur dari peperangan dunia pertama dengan kejatuhan pemerintahan Tsar pada bulan Oktober 1917. Ianya juga didedahkan oleh akhbar-akhbar Mesir.

Pengkhianatan British ini mengejutkan dunia Arab dan mereka enggan menyertai tentera bersekutu sehingga kerajaan British memberi penjelasan. Britain sekali lagi memperdayakan pemimpin Arab. Dalam bulan Januari 1918, wakil British, Hogarth telah diutus menemui Husain *al-Sharif* dengan jaminan bahawa pendatang Yahudi di Palestin tidak akan memberi kesan kepada kepentingan politik dan ekonomi orang Palestin. Dalam bulan Jun 1918, British sekali lagi menawarkan janji kepada pemimpin Syria bahawa wilayah di bawah penjajahan British - selatan Palestin dan Iraq akan ditadbir mengikut kehendak penduduk setempat, sementara wilayah di bawah pemerintahan Othmaniyyah di utara Palestin, timur Jordan, Syria, Lebanon dan utara Iraq akan diberikan kemerdekaan. Di penghujung peperangan dunia pertama, deklarasi Anglo-French bertarikh 7hb November 1918 bagaimanapun menjanjikan bahawa orang-orang Arab di bawah pemerintahan Othmaniyyah akan diberikan

kebebasan dan kemerdekaan.

Palestin di bawah penjajahan British (1917 - 1948)

Di penghujung tahun 1917, British akhirnya berjaya menakluki selatan dan tengah Palestin termasuk Jerusalem yang ditawan sebelumnya pada 9 Disember 1917. Komander tentera British, Lord Allenby ketika meraikan kejayaan mereka itu dengan angkuhnya berkata: "Sekarang Perang Salib telah berakhir". Kenyataan ini menggambarkan betapa orang Eropah merasakan bahawa mereka masih berada dalam perang salib yang berterusan dengan ummah Islam selama 800 tahun sebelumnya dan berakhir dengan penaklukan Palestin.

Britain meneruskan polisi peluasan jajahan takluk mereka dengan menjajah utara Palestin, timur Jordan, Syria dan Lebanon di antara bulan September hingga Oktober 1918. Mulai dari itu, British telah memulakan kempen yang ganas dan tidak berperikemanusiaan dalam meyahudikan seluruh bumi Palestin. British juga telah mendesak Perancis untuk menggugurkan komitmen mereka ke atas perjanjian **Sykes-Picot** yang menghendaki Palestin diletakkan di bawah pengawasan antarabangsa, dengan tawaran untuk tidak lagi membantu kerajaan Faisal ibn al-Husain yang berpusat di Damascus. Ini akhirnya membolehkan Perancis menakluki Syria.



Britain juga mencadangkan kepada Persekutuan Negara-Negara Dunia untuk melaksanakan satu keputusan pada 24 Julai 1922 yang mengiktiraf Deklarasi Balfour, walaupun ianya dengan jelas bertentangan dengan prinsip konfederasi tersebut. Ini memberikan mandat penuh kepada British ke atas bumi Palestin. Walaupun Britain mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu memenuhi hak orang-orang Palestin yang jumlahnya hampir 92% dari seluruh penduduk bumi Palestin namun kesemuanya itu tidak dihiraukan langsung. Sifat bermuka-muka mereka dengan kononnya menghormati rakyat Palestin dan sering menggalakkan pemimpin Palestin mengemukakan tuntutan mereka melalui perlembagaan dan ketatanegaraan sebenarnya hanyalah tipu helah mereka sahaja. Britain cuba menggambarkan bahawa mereka bersifat neutral dalam konflik Arab-Yahudi malahan sifat bermuka-muka ini menyelamatkan mereka dari tercetusnya revolusi Arab Palestin. Sementara itu, melalui taktik berlengah-lengah ini, Britain sebenarnya berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin.

Menjelang hujung tahun 1920, Britain telah meletakkan seluruh bumi Palestin di bawah pemerintahan tentera walaupun kemudiannya Palestin diletakkan di bawah pentadbiran awam dengan perlantikan seorang Pesuruhjaya British. Ini mengecewakan pemimpin-pemimpin Palestin yang mengharapakan dengan kejatuhan kerajaan Othmaniyyah, mereka akan mencapai kemerdekaan ataupun disatukan dengan negara Arab yang berhampiran. Pesuruhjaya Tinggi British yang pertama, Herbert Samuel (1920-1925) dan pesuruhjaya yang selepasnya, secara aktif melibatkan diri mereka dalam pelaksanaan projek Zionis. Di antara pesuruhjaya tinggi yang paling jahat adalah Arthur Wauchope (1931-38) ketika mana di bawah pentadbirannya konspirasi terhadap rakyat Palestin mencapai kemuncaknya.



Sir Herbert Samuel

Perkembangan Projek Zionis

Penjajahan lansung Britain ke atas Palestin memberi kuasa penuh kepada Pesuruhjaya British dan menafikan rakyat Palestin akan hak pentadbiran sendiri mengikut

perlembagaan. Sikap pro-Zionis Britain dalam soal ekonomi dan politik serta polisi “pecah belah dan perintah” menambahkan lagi kesukaran bagi rakyat Palestin mencari rezeki dan bersatu padu. Walau bagaimana hebatnya penguasaan British-Zionis ini, namun rakyat Palestin masih tidak mahu menggadaikan tanah milik mereka kepada orang Yahudi walau ditawarkan dengan harga yang tinggi. Sehingga tahun 1948, tanah milik Yahudi hanya sekitar 6.5% dari keseluruhan bumi Palestin dan inipun hanya merupakan tanah milik kerajaan atau tanah milik orang bukan Palestin (yang tinggal di Jordan dan Syria) yang dijual kepada orang Yahudi. Orang Yahudi bagaimanapun telah membina sebanyak 291 penempatan di tanah milik mereka yang sedikit itu.

Walaupun sudah melaksanakan sekatan ekonomi dan politik, Britain melaksanakan pula sekatan persenjataan ke atas orang-orang Palestin. Mereka yang menyimpan peluru dan senjata walaupun pedang akan dikenakan hukuman penjara yang panjang malahan pemilik senjata api kadang-kadang dihukum mati. Sebaliknya, penguasa British hanya menutup sebelah mata ke atas pemilikan senjata api oleh orang Yahudi malahan kadang-kadang mereka menggalakkannya pula. Orang-orang Yahudi seterusnya telah membentuk satu pasukan tentera yang terlatih dan berdisiplin sehingga pada tahun 1948 ianya terdiri dari lebih 70,000 orang penganas: 64,000 dari Hagana, 5,000 dari Irguan dan lebih 2,000 dari Stern yang keseluruhan jumlahnya tiga kali ganda lebih dari tentera Arab yang berjuang dalam perang Arab Israel pada tahun 1948.

Orang-orang Yahudi juga telah mewujudkan banyak

institusi sosio-ekonomi dan pendidikan misalnya *Histadrut* (kesatuan buruh), Universiti Hebrew di Jerusalem pada tahun 1925, dan *Jewish Agency* yang mempunyai banyak kuasa pada tahun 1929 yang merupakan wakil rasmi Yahudi di Palestin. Semua organisasi ini akhirnya membekalkan prasarana utama bagi pembedahan negara Yahudi yang kemudiannya diasaskan di bumi Palestin pada 14 Mei 1948.

Kemunculan Pergerakan Kebangsaan Palestin

Rakyat Palestin menanggung penderitaan dan kesusahan yang teramat sangat selepas Perang Dunia Pertama, malahan negara-negara jiran mereka serta seluruh negara umat Islam melalui zaman yang gelap di bawah penjajahan imperialis kuasa besar dunia. Kuasa ekonomi rakyat Palestin dan kuasa politik mereka sememangnya tidak dapat menandingi projek Zionis yang didokong oleh kuasa besar dunia dan masyarakat Zionis antarabangsa. Walau bagaimanapun, rakyat Palestin teguh dalam pendirian mereka untuk mendapatkan hak dan kemerdekaan mereka di sepanjang penjajahan British tersebut. Jihad mereka dan aktiviti politik mereka memberi tumpuan kepada beberapa tuntutan utama:

1. Memansuhkan deklarasasi Balfour yang tidak adil dan menindas
2. Memberhentikan serta merta penghijrahan Yahudi ke Palestin
3. Menggantung pembelian tanah Palestin oleh orang Yahudi
4. Menubuhkan kerajaan Palestin di peringkat nasional

melalui pemilihan wakil-wakil rakyat yang bebas.

Pergerakan Kebangsaan Palestin muncul berasaskan tuntutan di atas dan tumbuh ketika persidangan Arab Palestin yang diadakan di Jerusalem dari 27 Januari hingga 10 Februari 1919. Persidangan ini menentang pembahagian wilayah *Bilad al-Sham* di mana Palestin adalah sebahagian daripadanya. Mereka juga menuntut kemerdekaan Palestin di dalam kesatuan Arab serta penubuhan kerajaan Palestin di peringkat nasional. Sehingga tahun 1928, pemimpin nasionalis Palestin mengadakan 7 persidangan yang serupa dan dua pemimpin utama memimpin perjuangan mereka: Musa Kazim al-Husaini, presiden Jawatankuasa Eksekutif Kongres Palestin (meninggal 1934) dan juga al-Haj Amin al-Husaini, Mufti Jerusalem yang juga presiden Majlis Tertinggi Umat Islam mulai ianya ditubuhkan pada tahun 1922. Al-Haj Amin al-Husaini telah menjadi tenaga penggerak dan pemimpin jihad Palestin sehinggalah berakhirnya pemerintahan British di Palestin pada tahun 1948.



Al-Haj Amin al-Husaini

Pergerakan Nasionalis Palestin 1918 - 1929

Perjuangan nasionalis Palestin menentang projek Zionis di antara tahun 1918 - 1929 berorientasikan keamanan. Mereka cuba memujuk British supaya mengubah pendirian terhadap Deklarasi Balfour dan mengisytiharkannya sebagai tidak sah. Pemimpin Palestin ketika itu merasakan bahawa orang Palestin ketika itu terlalu lemah untuk mengeluarkan British dari tanah air mereka. Mereka juga optimis, kuasa besar British yang bersekutu dengan Husain *al-Sharif* akan memberikan reaksi positif. Tambahan pula projek Zionis ketika itu masih belum memberikan kesan yang mendalam di Palestin. Sesungguhnya pandangan mereka ini menggambarkan strategi politik yang tidak matang dan kurangnya semangat untuk mengambil pendekatan yang lebih berani.

Pergerakan nasionalis juga terjebak ke dalam kancah perebutan kuasa antara dua keluarga berpengaruh di Palestin - *Husayyiniyah* dan *Nashashybiyyah* yang bertambah buruk dengan dasar "pecah belah dan perintah" British.

Sementara itu, pemimpin Palestin telah mengambil beberapa langkah penting dalam usaha politik mereka. Ini termasuk menghantar delegasi menemui Winston Churchill, Setiausaha Negara British bagi Tanah Jajahan. Namun kerajaan British enggan mendengar tuntutan pemimpin Palestin ini walaupun wakil-wakil rakyat mereka di Parlimen membuat resolusi menolak Deklarasi Balfour pada tahun 1922.

Di dalam negeri pula, rakyat Palestin pada tahun 1923 menggagalkan usaha British untuk mewujudkan majlis

perundangan yang tidak mewakili rakyat terbanyak Palestin. Lawatan Arthur Balfour, Setiausaha Luar Britain ke Palestin pada tahun 1925 telah disambut dengan bantahan dan tunjuk perasaan seluruh negara. Ketika Kongres Palestin ke-5 pada 22-25 Ogos 1922, ahli persidangan telah bersetuju dan bersumpah menegakkan satu pernyataan yang berbunyi:

“Kami wakil kepada orang-orang Arab Palestin dalam kongres Arab Palestin yang diadakan di Nablus, berjanji di hadapan Tuhan, sejarah dan rakyat Palestin untuk meneruskan usaha secara aktif bagi mencapai kemerdekaan bagi negara kami dan mencapai kesatuan dunia Arab melalui semua jalan dan cara yang sah dan tidak akan membenarkan penghijrahan atau pembentukan negara Yahudi di bumi Palestin.”

Di antara tahun 1918 - 1928, dapat disaksikan 3 kali kebangkitan utama rakyat Palestin yang menggambarkan dengan jelas penentangan rakyat Palestin kepada projek Zionis dan Yahudi secara umumnya. Walaupun pergerakan nasionalis Palestin tidak melaksanakan penentangan terbuka terhadap British, namun Britain dengan kerasnya menindas kebangkitan gerakan penentangan ini. Kebangkitan pertama berlaku di antara 4 - 10 April 1920. Ianya mengakibatkan kematian 5 orang Yahudi dan 4 orang Arab sementara kecederaan di pihak Yahudi seramai 211 orang dan di pihak Arab seramai 24 orang.

Kebangkitan kedua berlaku di Jaffa dan utara Palestin yang mengakibatkan kematian 47 Yahudi dan 48 orang Arab

dan mencederakan 146 Yahudi juga 73 orang Arab. Kebangkitan ketiga berlaku apabila terjadinya serangan Yahudi ke atas dinding *al-Buraq*, (*dinding bahagian barat Masjid al Aqsa*).

Kebangkitan ketiga ini merebak ke seluruh Palestin di antara 15 Ogos hingga 2 September 1922. Ianya mengakibatkan kematian seramai 133 orang Yahudi dan 116 orang Arab sementara itu kecederaan di pihak Yahudi seramai 339 orang. 232 orang Arab turut cedera dalam kebangkitan kali ini. Kematian di pihak Yahudi adalah disebabkan oleh orang Arab sendiri tetapi tentera British pula melakukan pembunuhan ke atas orang Arab. Kebangkitan ini diterajui oleh gerakan Islam dan mufti Palestin, al-Haj Amin al-Husaini sendiri merancang kebangkitan pertama dan ketiga. Pada masa yang sama, pemimpin nasionalis Palestin berusaha mengekang kemarahan dan kebangkitan umat Islam ke atas Yahudi.

Gerakan Nasionalis Palestin 1929 - 1939

Kebangkitan *al-Buraq* pada tahun 1929, menjadi landasan bagi kebangkitan gerakan jihad menentang projek Zionis dan penjajahan British. Ianya mencapai kemuncaknya di sekitar tahun 1936 - 1939. Kesedaran akan bahayanya projek Zionis ini mula dirasakan apabila berlakunya penghijrahan beramai-ramai bangsa Yahudi (152,000 orang) ke Palestin dari negara Jerman di sekitar tahun 1930 - 1935. Mereka terdiri dari golongan profesional dan ahli perniagaan dan ini menjadikan jumlah penduduk Yahudi di Palestin meningkat dua kali ganda dari hanya seramai 156,000 orang. Di samping itu, bangsa Yahudi berjaya menguasai

lebih banyak tanah di bumi Palestin sekitar 229,000 Donums dan melakukan penyeludupan senjata ke Palestin.

Di awal-awal tahun 1930-an dapat disaksikan peningkatan aktiviti politik dan konfrontasi ketenteraan secara lansung dengan penguasa British. Beberapa parti politik Palestin dan kesatuan rakyat Palestin telah ditubuhkan dalam jangkamasa ini. Antara parti politik anti-British yang paling awal adalah *Hizb al-Istiqlal* (Parti Kemerdekaan) yang ditubuhkan dalam tahun 1932 namun popularitinya merosot bermula dari tahun 1933. Ianya diikuti dengan parti yang lebih popular - *al-Hizb al-'Arabi al-Falastini* (Parti Arab-Palestin) yang disokong oleh Mufti al-Haj Amin. Kumpulan-kumpulan lain yang membuat penentangan terhadap British adalah kumpulan-kumpulan pemuda dan separa tentera seperti *Jihadiyyah* (Pejuang) di bawah pimpinan Izz al-Din al-Qassam dan *al-Jihad al-Muqadas* (Jihad Suci) di bawah pimpinan Abd al-Qadir al-Husaini.

Sehingga itu, rakyat Palestin tidak meletakkan harapan dapat mencapai impian mereka dengan menggunakan pendekatan keamanan dan mengikut saluran undang-undang. Ini dapat dilihat dengan jelas seperti yang diucapkan oleh al-Haj Amin al-Husaini:



Al-Haj Amin al-Husaini

“Sehingga tahun 1932 kita seperti nampak akan sinar harapan, tetapi dengan cepat ianya malap dan pudar. Semua penderitaan dan kesakitan yang kita tanggung telah dirancang dengan rapi. Kita tidak mempunyai pilihan kecuali syahid”

Beberapa kejadian telah mengakibatkan peningkatan sentimen anti-British ini. Yang pertamanya adalah kerana kegagalan delegasi Arab-Palestin di ketuai oleh Musa Kazim al-Husaini yang di hantar ke London pada tahun 1930 untuk mendapatkan simpati kerajaan British. Seterusnya adalah kerana kegagalan pihak berkuasa tempatan untuk menghalang pemberian tanah kepada Yahudi walaupun telah dinasihatkan oleh penasihat British sendiri, J.H. Simpson yang dihantar oleh kerajaan British ke Palestin. Ketika menyiasat perselisihan isu tanah ini, beliau telah merumuskan bahawa pemberian tanah kepada Yahudi perlu dihentikan. Begitu juga penghijrahan bangsa Yahudi ke Palestin perlu dihentikan atau dikurangkan.

Menambahkan lagi kekecewaan rakyat Palestin adalah kerana keengganan kerajaan British memenuhi janji asal mereka yang disebutkan di dalam “Buku Putih” - *White Book* 1930 untuk melaksanakan sekatan ke atas penghijrahan bangsa Yahudi ke Palestin. Tipu helah British ini disahkan dengan rekod yang terdapat di dalam “Buku Hitam”- *Black Book* 1931 yang secara terang-terangan meletakkan komitmen Britain kepada Projek Zionis.

Pengaruh Islam dalam isu Palestin kini mula meningkat. Dalam tahun 1931, satu rancangan untuk melakukan gerakan revolusi Islam bagi menyelamatkan negara-negara

Arab terutamanya Syria dan Palestin telah dibangkitkan dengan diketuai oleh pemimpin Islam terkenal dari Lubnan, Putera Shakib Arsalan dengan kerjasama al-Haj Amin al-Husaini dan aktivis Islam dari India, Maulana Shawkat Ali. Putera Shakib juga berusaha mendapatkan sokongan gerakan pembebasan Arab di Saudi, Iraq, Mesir dan Al-Shams. Namun tidak banyak kejayaan yang dicapai oleh gerakan ini. Pada 17 Disember 1931, satu persidangan pemimpin Islam yang diketuai oleh al-Haj Amin al-Husaini telah diadakan di Jerusalem. Dua puluh dua negara telah menghantar wakil ke persidangan ini yang turut dihadiri oleh ulama dan pemimpin Islam yang terkenal seperti Sheikh Rashid Rida, Muhammed Iqbal ulama dan sasterawan terkenal dari India, Shawkat Ali, pemimpin Tunisia Abd al-Aziz al-Tha'alibi, bekas Perdana Menteri Iran Diya al-Din al-Tabtaba'i dan pemimpin Syria Shukri Al-Quwathi.

Perhimpunan ulama ini mengutarakan beberapa cadangan yang praktikal seperti penubuhan Universiti Islam, menubuhkan syarikat komersial bagi menyelamatkan tanah rakyat Palestin dan mewujudkan jawatankuasa Palestin di beberapa negeri. Walau bagaimanapun rancangan ini gagal dilaksanakan kerana kuatnya pengaruh penjajahan British ke atas negara-negara umat Islam. Peranan ulama Palestin kemudiannya mula meningkat dan dapat dilihat selepas kongres mereka yang pertama yang telah diadakan pada 25 Januari 1935. Mereka telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang menghalang penjualan tanah milik rakyat Palestin kepada orang Yahudi dan mengisytiharkan sesiapa yang melanggar fatwa ini boleh dihukum sebagai *kuffar*.

Sementara itu penentangan terhadap Yahudi dan penaung mereka British semakin meningkat. Pertubuhan *Al-Kaff al-Akhdar* di bawah pimpinan Ahmed Tafish telah memulakan gerakan jihad dengan melancarkan beberapa operasi yang berani. Pihak British dengan menggunakan kekerasan telah menekan pertubuhan ini dan pada bulan Februari 1930 telah menangkap pimpinan mereka. Dalam bulan Oktober 1933 pula, pemimpin politik Palestin telah meningkatkan penentangan mereka dan tidak lama selepas itu berlaku dua demonstrasi besar-besaran, satu di masjid Al-Aqsa, Jerusalem pada 13 Oktober dan satu lagi di Jaffa pada 27 Oktober, selepas solat Jumaat. Pemimpin Palestin telah menyertai demonstrasi ini diikuti dengan demonstrasi seluruh negara. Dalam kejadian ini, seramai 35 orang Arab telah syahid dan 255 lagi cedera. Demonstrasi ini merebak ke bandar-bandar lain seperti Haifa, Jerusalem, Naplus, Bir al-Sab (Bersheeba) dan al-Lud (Lydda). Ianya berlaku hampir selama tujuh hari. Bilangan yang syahid agak tinggi termasuklah di antara mereka Musa Kazim al-Husaini yang telah dibelasah dengan teruk sehinggalah beliau pengsan dan akhirnya syahid disebabkan kehilangan darah yang banyak pada usia beliau 81 tahun dalam bulan Mac 1934.

Di antara organisasi jihad yang bergerak secara bawah tanah adalah gerakan *al-Jihadiyyah* yang diasaskan oleh Sheikh Izz al-Din al-Qassam. Ianya dimulakan disekitar tahun 1925 dan slogan mereka adalah "*Inilah Jihad, sama ada menang atau syahid*". Ianya sangat popular di utara Palestin terutamanya di kalangan pekerja dan petani. Mereka di anggotai oleh ahli teras seramai 200 orang dan mempunyai lebih 800 orang penyokong. Mereka berjaya melancarkan beberapa operasi terhadap Yahudi. Walau bagaimanapun Sheikh al-Qassam dan dua pengikutnya syahid ketika

bertempur dengan polis pada 20 November 1935. Beliau digantikan oleh Sheikh Farhan al-Sa'di dan gerakan ini memainkan peranan utama dalam revolusi besar Palestin (1936-1939).

Satu lagi pergerakan kebangsaan Islam di Palestin adalah *al-Jihad al-Muqaddas* yang berpusat di sekitar Jerusalem dan Hebron. Dipimpin oleh Abd al-Qadir al-Husaini dan mendapat sokongan penuh Mufti Palestin al-Haj Amin. Keanggotaannya mencecah 400 orang pada tahun 1935 dan terlibat secara aktif di dalam revolusi besar Palestin terutamanya di Jerusalem dan Hebron.

Revolusi Besar Palestin 1936 - 1939

Pencetus kepada revolusi besar ini, salah satu revolusi terbesar dalam sejarah Palestin, adalah kejadian pembunuhan dua orang Yahudi pada 15 April 1936 yang dilakukan oleh kumpulan *al-Jihadiyyah* yang dipimpin oleh Sheikh Farhan al-Sa'di. Kejadian ini kemudiannya mencetuskan ketegangan yang hebat di antara orang Arab dan Yahudi diikuti pula dengan beberapa peringkat revolusi:

- 178 hari demonstrasi dan mogok (terpanjang dalam sejarah)
- penyatuan parti-parti Arab ke dalam satu kesatuan kebangsaan Arab.
- pembentukan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Orang-orang Arab pada 20 April 1936 dengan al-Haj Amin al-Husaini menjadi pengerusi pertamanya.

Pihak nasionalis berikrar akan meneruskan revolusi ini

sehinggalah tuntutan asas mereka dipenuhi, di antaranya pembentukan kerajaan Palestin yang bebas dan demokratik, menghentikan penghijrahan Yahudi dan penjualan tanah rakyat Palestin kepada Yahudi. Melalui permintaan raja-raja dan pemerintah negara-negara Arab, pihak nasionalis bersetuju menghentikan revolusi ini dalam bulan Oktober 1936 untuk membolehkan *Suruhanjaya Diraja Peel* menjalankan siasatan ke atas keadaan yang berlaku di Palestin. Malangnya cadangan suruhanjaya pada awal bulan Julai 1937 supaya dibahagikan negara Palestin kepada orang Arab dan Yahudi menimbulkan kemarahan rakyat Palestin dan menyemarakkan semula revolusi Palestin ini diikuti dengan pembunuhan Gabenor British, Andrews pada 26 September 1937 di daerah Al-Jalil.

Kerajaan British yang terkejut dengan kejadian ini telah mengambil tindakan membubarkan Majlis Tertinggi Muslim, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Orang-orang Arab dan Jawatankuasa Kebangsaan Palestin. Britain cuba menangkap al-Haj Amin tetapi beliau sempat berpindah ke Lubnan dalam bulan Oktober 1937 dan meneruskan revolusi dari sana. 4 Ahli Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Orang-orang Arab telah ditangkap dan dibuang negeri ke Pulau Seychelles di Lautan Hindi.

Sehingga musim panas tahun 1938, revolusi ini mencapai kemuncaknya. Pentadbiran awam British di Palestin hampir lumpuh dan mujahidin berjaya menguasai bahagian perkampungan dan beberapa bandar di Palestin. Jika konfrontasi ini hanya melibatkan rakyat Palestin dan Britain sahaja maka kerajaan Britain mungkin sudah tunduk kepada tuntutan rakyat Palestin dan berundur dari negara itu. Tetapi wujudnya Zionis dan keengganan

mereka mengalah dari melaksanakan projek Zionis mereka menyulitkan suasana. Dengan lobi yang kuat dari pihak Zionis, kerajaan British akhirnya menghantar ketumbukan tentera yang besar ke Palestin di bawah perintah Komander Haining yang dibantu oleh beberapa jeneral seperti Montgomery yang telah menakluk semula perkampungan Palestin dan mengakibatkan kemusnahan besar serta kesusahan yang teramat sangat kepada Palestin dan rakyatnya. Ramai di kalangan pemimpin revolusi yang menemui syahid. Di antaranya Sheik Farhan al-Sa'di, Muhammed al-Salih al-Hamad, Abd al-Raheim al-Haj Muhammed dan Yusuf Abu Durah. Revolusi ini akhirnya dipatahkan dan berakhir pada musim panas tahun 1939.

Pada ketika yang sama Britain cuba menekan revolusi Palestin ini, mereka juga berusaha untuk keluar dari kemelut politik di Palestin. Selain membatalkan cadangan pembahagian negara Palestin seperti yang dirumuskan oleh suruhanjaya Peel, mereka juga telah membebaskan tahanan di Pulau Seychelles dan menjemput delegasi Arab, Palestin dan Yahudi menghadiri persidangan meja bulat di London dalam bulan Februari 1939 bagi membincangkan krisis yang berlaku ketika itu tetapi persidangan ini gagal mencapai sebarang penyelesaian. Tanpa mengambilkira hasil persidangan tersebut kerajaan British akhirnya mengambil keputusan sendiri seperti yang dicatatkan di dalam Buku Putih 1939. Secara tidak lansung, ini merupakan kejayaan kepada rakyat Palestin kerana Britain menafikan rancangan untuk menubuhkan negara Yahudi di Palestin tetapi berhasrat menubuhkan negara Palestin dalam masa 10 tahun dengan perkongsian kuasa di antara orang Arab dan Yahudi. Britain juga memutuskan supaya penghijrahan Yahudi dalam jangkamasa 5 tahun pertama

ini dihadkan kepada 75,000 orang melainkan dengan kebenaran pemimpin Arab. Sementara itu, pembelian tanah bumi Palestin oleh orang Yahudi adalah dilarang sama sekali di kawasan-kawasan tertentu malahan di kawasan yang lain, ianya dihadkan juga.

Walau bagaimanapun kepimpinan Palestin ketika itu telah menolak cadangan British ini kerana ianya masih mempunyai hubungkait dengan Yahudi dalam menentukan kemerdekaan Palestin. Malahan mereka juga tidak mahu meletakkan kepercayaan kepada kerajaan Britain. Kerajaan Britain juga tidak memberikan pengampunan kepada pemimpin mereka al-Haj Amin. Rakyat Palestin dengan itu hanya bersikap tunggu dan lihat untuk menguji kesungguhan kerajaan British. Pihak Yahudi juga tidak bersetuju dengan cadangan Britain ini.

Perkembangan Politik 1939 - 1947

Peperangan dunia ke-2 (1939-1945) menambahkan kesukaran kepada perjuangan rakyat Palestin, kerana dalam jangkamasa ini kekuatan ketenteraan dan politik rakyat Palestin berada di tahap paling rendah. Ini memaksa pemimpin mereka al-Haj Amin berpindah dari Lubnan ke Iraq di mana beliau telah mengasaskan gerakan anti-British yang berpusat di sana. Gerakan ini juga akhirnya lumpuh dan al-Haj Amin terpaksa berpindah dari Iraq ke Iran, Turki dan akhirnya beliau sampai ke negara Jerman pada bulan November 1941.

Sikap kerajaan British yang berat sebelah dan tipu daya mereka menyebabkan al-Haj Amin tidak mempunyai

pilihan melainkan mendapatkan sokongan negara Nazi Jerman. Kerajaan Nazi Jerman dan sekutunya Itali bersetuju dengan deklarasi bersama yang mahu supaya dihentikan pembentukan negara Yahudi di Palestin dan membantu negara-negara Arab di bawah pemerintahan British mencapai kemerdekaan mereka masing-masing. Ketika berada di Jerman, al-Haj Amin mengambil kesempatan di negara tersebut untuk membentuk tentera Arab yang dilatih oleh Jerman pada 2 November 1943. Beratus-ratus orang pemuda Arab telah dilatih dan dibekalkan dengan senjata ringan oleh kerajaan Jerman. Sebanyak 30,000 senjata lagi telah diseludup ke Libya untuk digunakan dimasa akan datang. Dengan kemenangan British dan kekelahan Jerman dalam peperangan dunia ke-2, rakyat Palestin dan pemimpin mereka berada dalam keadaan yang kritikal. Kerajaan Perancis telah menangkap al-Haj Amin walaupun beliau kemudiannya berjaya menyelamatkan diri ke Mesir pada Jun 1946.

Dalam bulan Jun 1946, Liga Arab telah membentuk satu jawatankuasa sebagai jurucakap rasmi bagi rakyat Palestin - *Higher Arab Executive for Palestin*. Al-Haj Amin telah dilantik menjadi presiden pertamanya. Oleh kerana hubungan beliau dengan kerajaan Jordan dan Iraq tidak begitu baik tambahan pula beliau kini tinggal di negara Mesir yang kuat dengan pengaruh British, maka al-Haj Amin gagal berperanan dalam memperjuangkan cita-cita rakyat Palestin.

Sementara itu, bangsa Yahudi telah membesar-besarkan isu pembunuhan bangsa mereka di Jerman dan Eropah Timur. Mereka merayu simpati antarabangsa dan

menyatakan bahawa mereka hanya akan selamat dengan pemerintahan sendiri di bumi Palestin. Rayuan mereka ini disokong kuat oleh kuasa besar USA, terutamanya selepas persidangan Biltmore pada tahun 1942 di mana pihak Yahudi mendesak Amerika membatalkan kandungan Buku Putih British 1939.

Pengaruh Yahudi semakin kuat dengan perlantikan Presiden Truman yang pro-Zionis sebagai presiden Amerika. Pada 31 Ogos 1945, Presiden Truman telah meminta Perdana Menteri British, Attlee untuk membenarkan penghijrahan seramai 100,000 orang Yahudi ke Palestin. Dalam suasana yang memihak kepada mereka, Yahudi telah mengambil kesempatan ini untuk menambahkan kekuatan ketenteraan dan politik mereka. Seramai 26,000 orang Yahudi di Palestin kebanyakannya ahli kumpulan "Hagna", telah menyertai unit ketenteraan Yahudi di bawah pentadbiran tentera British. Ini akhirnya menjadi sumber kekuatan ketenteraan negara Yahudi yang ditubuhkan tidak lama selepas itu. Penghijrahan Yahudi ke Palestin telah meningkat dengan mendadak ketika dan selepas perang, 92,000 orang di antara tahun 1939-1947 dan 61,000 orang lagi di antara tahun 1946-1948. Mereka juga menguasai sebanyak 270,000 donum tanah bumi Palestin di antara tahun 1939 - 1947 dan membina sebanyak 73 penempatan dalam tempoh itu.

Dengan tekanan kuat dari Amerika dan di waktu yang sama negara-negara Arab sendiri berpecah, Setiausaha Luar British, Ernest Bevin, pada 14 November 1945, secara resmi mengumumkan keputusan kerajaan British untuk menarik diri dari komitmen mereka dari apa yang putus dalam "Buku Putih" 1939. Beliau juga mencadangkan penubuhan

jawatankuasa Anglo-Amerika untuk menyiasat dan membuat laporan mengenai isu Palestin. Ini secara lansung memberi kesan besar kepada perjuangan rakyat Palestin kerana memberi ruang kepada kuasa besar Amerika yang pro-Zionis terlibat dalam isu Palestin. Seperti yang dijangkakan, jawatankuasa yang berat sebelah ini telah membuat cadangan bagi penghijrahan sebanyak 100,000 orang Yahudi lagi ke Palestin dan membenarkan penjualan secara terbuka tanah rakyat Palestin.

Isu Palestin menjadi isu antarabangsa apabila kerajaan Britain pada 2 April 1947 mendesak supaya isu ini dimasukkan sebagai agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB - *UN*). Tidak lama selepas itu, sebuah jawatankuasa antarabangsa (UNSCOP) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat laporan mengenai isu Palestin. Cadangan dasar jawatankuasa ini adalah - pembahagian yang tidak adil wilayah Palestin kepada negara Arab dan negara Yahudi yang merdeka, dan Jerusalem diletakkan di bawah tanggungjawab antarabangsa.

Tindakbalas Liga Arab yang tidak bersetuju dengan cadangan tersebut boleh dilihat daripada dua persidangan segera yang diadakan di Sufar pada 6 September 1947 dan 'Alayh pada 7 - 15 Oktober 1947. Persidangan ini dengan tegas menolak cadangan Jawatankuasa UNSCOP seterusnya menawarkan sukarelawan dan persenjataan kepada rakyat Palestin. Persidangan juga bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah ketenteraan yang perlu sebagai langkah berjaga-jaga dan juga mengkoordinasi penentangan secara ketenteraan.

Walau bagaimanapun, Persidangan Agung, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, PBB, pada 29 November 1947 dengan pengaruh USA dan Soviet Union, dengan majoriti dua pertiga telah meluluskan ketetapan yang membawa bencana, untuk membahagikan Palestin kepada negara Arab dan Yahudi. Perlu dinyatakan di sini bahawa keputusan yang dibuat oleh PBB ini bukanlah merupakan tanggungjawab mereka malah keputusan ini bercanggah sama sekali dengan prinsip-prinsip asas penubuhan PBB dalam memberikan kebebasan kepada individu untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan diri mereka sendiri. Keputusan PBB ini lansung tidak mengambil kira kelebihan majoriti bilangan penduduk Palestin malah PBB telah menganugerahkan kepada penduduk Yahudi 54% dari bumi Palestin walaupun mereka sebelumnya hanya menguasai 6.5% sahaja dengan populasi mereka hanya pada pihak minoriti sebanyak 31.7% sahaja.

Jadual 1: Populasi Penduduk Palestin di bawah Penjajahan British

	Arab		Yahudi	
	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan
1918	91.6%	600,000	8.4%	55,000
1948	68.3%	1,390,000	31.7%	646,000

Jadual 2: Pemilikan tanah di bawah Penjajahan British

	Arab	Yahudi
1918	98%	2%
1948	93.5%	6.5%

Peperangan tahun 1948 dan Selepasnya



Peperangan Arab-Zionis tercetus tidak lama selepas keputusan pembahagian Palestin oleh PBB. Tentera Palestin, sebahagian besarnya dari kumpulan *Al Jihad al-Muqadas* dengan disertai sebilangan kecil dari sukarelawan Arab yang bergabung di bawah kumpulan *Jaysh al-Inqaz* telah menentang rejim Zionis dalam peperangan yang berat sebelah ini. Walaupun hanya dibekalkan dengan senjata yang uzur oleh negara-negara Arab dan peluru yang tidak mencukupi, namun tentera Palestin ini telah berjuang dengan gagah menentang tentera Yahudi. Tentera Palestin berjaya bertahan untuk tempoh yang lama dalam menghadapi tentera Yahudi yang lengkap bersenjata dan dibantu pula oleh tentera British ketika itu. Tentera dan rakyat Palestin berjaya mempertahankan 82% bumi Palestin dan mengakibatkan kekalahan besar kepada pihak Yahudi sehingga akhirnya memaksa Amerika Syarikat memikirkan dengan serius cadangan untuk mengundurkan diri dari rancangan pembahagian Palestin yang diputuskan oleh PBB.

Penglibatan tentera dari negara Arab yang digembar-gemburkan selepas itu hanyalah merupakan tragedi kepada perjuangan jihad rakyat Palestin. Tentera Arab yang seramai 24,000 orang tidak mampu menandingi kekuatan tentera penganas Yahudi seramai 70,000 orang yang lengkap bersenjata. Tentera Arab ini pula lemah dari segi pengalaman berperang dan tidak ada koordinasi yang baik di antara mereka. Amat menyedihkan kerana daripada 50 komander tentera Arab, 45 daripada mereka adalah orang British. Di sebalik memerangi Zionis, tentera Arab ini melakukan pelucutan senjata pejuang Palestin bukannya membekalkan senjata kepada mereka. Di samping semua kelemahan ini, perbezaan fahaman politik di antara negara-negara Arab melemahkan lagi perjuangan mereka membantu rakyat Palestin.



As-Syahid Imam Hassan al-Banna

Kita melihat bagaimana kesungguhan rakyat Palestin dan orang-orang Islam Arab berjihad dalam membebaskan tanah suci ini tercemar oleh kelemahan kepimpinan politik dan ketenteraan pemimpin Arab sendiri. Jamaah *Ikhwan al-*

Muslimun dari Mesir misalnya telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan bumi Palestin. As-Syahid Imam Hassan Al-Banna sendiri secara sukarela menghantar pasukan pertama seramai 10,000 orang mujahid ke medan perang dalam bulan Oktober 1948. Walaupun sebahagian dari mereka telah dihalang oleh kerajaan Mesir dari menuju ke Palestin. Namun di kalangan mujahid yang berjaya ke sana telah berjuang dengan gagah menentang Zionis. Sungguh malang kerana kepulangan mereka bukan disambut sebagai pejuang tetapi sebaliknya ditangkap dan dipenjarakan oleh kerajaan Mesir. Kerajaan Mesir kemudiannya telah memansuhkan Jamaah *Ikhwan al-Muslimun* dan pihak perisikan Mesir melakukan perbuatan keji dengan merancang pembunuhan al-Banna pada 11 Februari 1949, tidak lama sebelum berlakunya genjatan senjata yang memalukan dengan entiti Zionis, Israel. Walau bagaimanapun pejuang-pejuang Islam yang semuanya bersaudara tanpa mengira asal keturunan sama ada dari negara Arab seperti Jordan, Syria dan Iraq juga dari Bosnia seramai 250 orang telah berjuang dengan gagah dalam peperangan ini. Hanya tentera negara Arab sahaja yang gagal dalam peperangan ini dan tindakan mereka yang berusaha untuk melucutkan senjata pejuang Palestin amat memalukan umat Islam.

Dengan kekalahan yang mengaibkan tentera Arab dalam peperangan ini, diikuti dengan penaklukan 78% bumi Palestin, Yahudi telah mengisytiharkan pembentukan negara Israel pada 14 May 1948. Rakyat Palestin dengan bantuan tentera negara Arab pula telah mengumumkan pembentukan Kerajaan bagi Rakyat Palestin pada persidangan Gaza dalam bulan Oktober 1948. Malangnya

tentera Arab yang ditempatkan di Palestin menghalang kerajaan Palestin ini daripada melaksanakan fungsinya malah al-Haj Amin al-Husaini sendiri telah dibuang negeri dari Gaza ke Mesir.



Sebaik sahaja tamat peperangan, kumpulan pengganas Yahudi-Zionis telah mengusir keluar 60% dari rakyat Palestin (lebih kurang 800,000 orang dari sejumlah 1,390,000) sementara itu 30,000 orang lagi diusir ke daerah yang ditakluki. Zionis yang kejam dan ganas telah memusnahkan 478 buah perkampungan Palestin dari sebanyak 580 buah dan terlibat dalam lebih dari 34 insiden pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin dan yang paling kejam adalah di Deir Yasin pada 10 April 1948. Menurut sumber Zionis sendiri seramai 254 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak telah dibunuh. Adakah ini yang dikatakan misi ketamadunan manusia yang sering dilaungkan oleh Zionis dan imperialis barat yang melindungi mereka?

Peperangan 1948 memusnahkan kehidupan rakyat Palestin yang telah hidup di bumi bertuah ini selama 4,500 tahun.

Sesungguhnya amat tidak adil sekali apabila Yahudi menjadikan peristiwa pembunuhan bangsa mereka di Eropah yang dilakukan oleh pihak Nazi Jerman sebagai alasan untuk bermaharajalela membunuh rakyat Islam Palestin yang tidak berdosa. Mereka lupa bahawa bangsa mereka Yahudi bukanlah penduduk asal di bumi Palestin malahan pemerintah tentera Zionis yang kemudiannya dilantik sebagai menteri pertahanan, Moshe Dayan mengakui sendiri bahawa setiap perkampungan Yahudi di bina dari keruntuhan perkampungan bangsa Palestin. Ini disahkan lagi oleh permintaan PBB dalam banyak resolusi mereka (110 resolusi sehingga tahun 2000) supaya 4.4 juta pelarian Palestin dibenarkan pulang semula ke kampung halaman mereka. Seramai 1.1 juta orang lagi yang tinggal di Tebing Barat dan Gaza juga secara paksa diusir keluar dari rumah mereka dan dipisahkan dari sanak saudara mereka.



Nakbah

ISU PALESTIN 1949 - 1967



Nakbah (bencana besar) tahun 1948 yang melanda Palestin menerbitkan kenangan pahit dan perasaan terhina di kalangan rakyat Palestin dan orang-orang Arab dan orang Islam keseluruhannya. Rakyat Palestin mendapati diri mereka buat pertama kalinya diusir dari kampung halaman mereka dan diperintah pula oleh rejim Zionis Yahudi yang lansung tidak mengambil kisah akan hak dan kebebasan mereka. Impian mereka rakyat Palestin adalah untuk menyusun diri mereka dalam satu barisan jihad dalam bidang politik dan ketenteraan untuk mencapai kemerdekaan dan kebebasan. Alhamdulillah, kumpulan manusia yang kreatif dan berbakat ini mampu menyesuaikan diri mereka dan bertindak positif dalam suasana dan persekitaran yang sukar. Ini adalah kerana rakyat Palestin tersangat cenderung dalam meningkatkan tahap pendidikan mereka, di antara senjata yang paling ampuh dalam menghadapi cabaran masa depan. Sehingga kini, rakyat Palestin adalah di antara yang paling tinggi tahap pendidikan mereka di kalangan umat Arab.

Negara-negara Arab dan Palestin

Di antara tahun 1946-1967, perkembangan budaya dan pemikiran barat telah mendapat tempat di kalangan negara-negara Arab bekas jajahan barat yang kononnya merdeka. Tanpa mengira latar belakang pemikiran mereka sama ada liberal, sosialis atau konservatif, mereka semuanya berorientasikan pemikiran sekular. Pemimpin negara-negara Arab ini berusaha bersungguh-sungguh mengukuhkan pemerintahan mereka sendiri dengan mencambahkan semangat kebangsaan (*asobiyyah*) bukannya semangat kesepakatan ummah. Perkembangan tidak sihat ini amat dikesali kerana ketika inilah berlakunya fragmentasi dunia Arab yang berpandukan kepada slogan 'perjuangan kebangsaan Arab' (*qawmiyyat Al-Ma'arakah*). Asas inilah yang menjadi teras arena politik Arab terutamanya di Mesir di bawah pimpinan Jamal Abd al-Nasir. Amat malang kerana dalam jangkamasa ini, rakyat Palestin bergantung kepada rejim Arab yang korup dan slogan kosong mereka dalam usaha membebaskan diri dan negara mereka dari penjajahan rejim Zionis.

Slogan kosong "kesatuan adalah jalan bagi pembebasan" ini kemudiannya dilaungkan berulang-kali, hanya sebagai topeng melindungi penindasan dan penyelewengan pemimpin rejim Arab yang muflis dari segi pemikiran, pandangan, semangat dan kesungguhan mereka. Hasilnya, perasaan putus asa dan kecewa di kalangan masyarakat Islam Arab meningkat terutama sekali selepas gagalannya penyatuan Mesir-Syria (1958 - 1961) dan diikuti pula oleh dengan kekalahan pemimpin Arab yang memalukan dalam peperangan Arab-Israel 1967. Selepas peperangan ini, rakyat Palestin kehilangan sebahagian besar Palestin, Sinai

dan Bukit Golan kepada Zionis. Semangat nasionalisma dan radikalisma akhirnya bercambah mengatasi semangat gerakan Islam yang sentiasa mendapat tekanan dari pemimpin Arab sendiri seperti Jamal Abd al-Nasir dan sekutunya.

Pemerintah Arab berada dalam keadaan yang sangat lemah, tanpa visi yang jelas untuk membebaskan bumi Palestin malah pemimpin Arab sebaliknya menerima perjanjian dengan negara Zionis semata-mata untuk memastikan keberlansungan pemerintahan mereka. Oleh kerana pemimpin rejim Arab sendiri tidak mahu niat mereka diketahui masyarakat umum, mereka telah mempermainkan emosi umat Islam dengan pura-pura mengajak mereka bersedia menghadapi perjuangan untuk pembebasan. Dalam tempoh masa penipuan pemimpin Arab ini, entiti Yahudi Israel yang masih muda ini terus menguatkan kuasa dan cengkamannya ke atas bumi Palestin.

Sementara itu, pemerintah rejim Arab menerima perjuangan rakyat Palestin di negara mereka bukan sebagai salah satu dari strategi yang komprehensif dalam perjuangan Palestin tetapi lebih merupakan satu taktik bagi memastikan keberlansungan pemerintahan mereka. Negara-negara yang dikatakan berkonfrontasi dengan Israel telah menggunakan dua pendekatan dalam sikap mereka terhadap perjuangan rakyat Palestin.

- i. untuk memastikan keselamatan dan survival pemerintahan mereka dan mengelak dari serangan rejim Zionis, negara Arab tersebut akan cuba membendung perjuangan Palestin di samping

menghalang sebarang aktiviti ketenteraan atau gerila di sepanjang sempadan negara mereka dengan Israel. Malahan polisi ini masih diamalkan lagi oleh negara-negara Arab yang bersempadan dengan Israel sehingga kini.

- ii. atau negara Arab ini akan membenarkan aktiviti perjuangan Palestin di negara mereka dengan tujuan untuk meraih sokongan rakyat mereka yang bersimpati dengan perjuangan rakyat Palestin atau mengelak dari bangkitnya kemarahan rakyat.

Jika dilihat untuk selama 50 tahun kebelakangan ini, perbatasan negara di kebanyakan negara Arab yang bersempadan dengan Israel hampir tertutup dari aktiviti revolusi rakyat Palestin menentang rejim Zionis. Hanya negara Lubnan yang pemimpinnya tidak mampu menghalang kebangkitan perjuangan rakyat Palestin.

Perjuangan kebangsaan rakyat Palestin

Rakyat Palestin telah mengambil pendekatan yang praktikal dan pragmatik di sebalik kemelut perjuangan secara bersenjata. Mereka telah mengambil langkah-langkah seperti di bawah:

- i. untuk mengelak dari kekecewaan dan menerima realiti yang ada dengan usaha berdikari dan memberikan tumpuan kepada pendidikan generasi muda Palestin.
- ii. mereka menyertai parti-parti nasionalis, komunis

dan sayap kiri juga parti Islam seperti *al-Nasiriyyun*, *al-Bath*, *al-Ikhwan al-Muslimun* dan *Hizb al-Tahrir al-Islami*.

- iii. berusaha ke arah mewujudkan identiti nasional Palestin
- iv. Penghijrahan rakyat Palestin ke Tebing Barat, Jordan dan negara Teluk Saudi dan Kuwait untuk mencari pekerjaan bagi menyara hidup
- v. Mengurangkan pengaruh kepimpinan al-Haj Amin al-Husaini

Dengan inisiatif dari kerajaan Jordan, satu persidangan telah diadakan di Jericho dalam bulan Disember 1949 dan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Palestin. Dalam persidangan ini, Raja Abdullah ibn al-Husain diisytiharkan sebagai Raja Palestin. Kemudian diikuti dengan secara rasminya kemasukan Tebing Barat ke bawah pentadbiran Jordan. Ini meliputi kawasan seluas 5878 kilometer persegi (21.77% bumi Palestin). Kerajaan Mesir pula menguasai pentadbiran kawasan Semenanjung Gaza (363 kilometer persegi - 1.34% bumi Palestin)

Sementara itu, rejim Arab telah mengenakan sekatan ke atas al-Haj Amin dan sekutunya dalam majlis *Higher Arab Executive for Palestin*. Ini termasuk sekatan ke atas aktiviti politik di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Oleh kerana itu Al-Haj Amin telah berpindah ke Lubnan dari Mesir pada tahun 1958. Peranan al-Haj Amin dalam perjuangan rakyat Palestin sering menjadi kontrovesi. Walaupun sebahagian besar dari rakyat Palestin

menganggap beliau sebagai salah seorang pemimpin utama mereka sehinggalah ke pertengahan tahun 1950-an namun ada juga yang menyalahkan beliau kerana kejatuhan bumi Palestin kepada Israel. Kita mendoakan semoga perjuangan dan jihad beliau untuk pembebasan bumi Palestin selama hampir 30 tahun tersebut mendapat keredhaan Allah swt.

Al-Ikhwan al-Muslimun yang masih bebas dari tekanan di antara tahun 1949-1954, menjadi sangat popular di Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Ini kerana penglibatan mereka dalam Peperangan Arab-Israel 1948. *Ikhwan* juga berjaya mengadakan program-program Islam yang tersusun di Palestin. Satu lagi gerakan Islam yang popular dan berpengaruh di Jordan adalah *Hizbi al-Tahrir al-Islami* yang mahu menegakkan pemerintahan khalifah Islam. Pengaruh gerakan komunis gagal bersaing dengan kumpulan-kumpulan Islam yang sangat popular ini. Walau bagaimanapun gerakan Islam menghadapi saat sukarnya apabila Presiden Jamal Abd al-Nasser dari Mesir melaksanakan gerakan membunuh, memenjara dan memburukkan pemimpin dan ahli *Ikhwan al-Muslimun*. Ahli-ahli *Ikhwan* dengan itu diarahkan untuk merahsiakan kegiatan mereka buat sementara waktu. Namun pengaruh *Ikhwan* sangat popular di kalangan rakyat Palestin sehingga akhir 1950-an. Ini dapat dilihat melalui kepimpinan pelajar-pelajar Palestin di Mesir yang dipengerusikan oleh Yasir Arafat yang pro-*Ikhwan*.

Penentangan rakyat Palestin dalam jangkamasa sukar ini agak terbatas. Awal tahun 1950-an, menyaksikan mereka melakukan beberapa serangan ala gerila di sepanjang sempadan untuk menimpakan kemusnahan kepada rejim Zionis. Di Semenanjung Gaza, *Ikhwan* membentuk

kumpulan separa tentera yang melakukan beberapa serangan ketenteraan dibantu oleh orang Arab Badwi di Negev dan disokong oleh pegawai tentera Mesir di Gaza, Abd al-Munim Abd al-Rauf. Bukti-bukti menunjukkan mereka berjaya menyerang sebuah bas Israel pada 17 Mac 1954 yang membunuh seramai 11 Zionis di perkampungan Bir al-Sab'a.

Serangan balas rejim Zionis sama ada di Tebing Barat atau Semenanjung Gaza sangat kejam dan ganas. Mereka membunuh penduduk Palestin yang tidak berdosa seperti dalam kejadian pembunuhan Qibya pada 14 -15 Oktober 1953 di mana seramai 67 orang telah syahid dan peristiwa di Gaza pada 28 Februari 1955 yang mengakibatkan seramai 39 orang syahid. Selepas peristiwa ini, kerajaan Mesir di bawah tekanan dari penduduk di Gaza akhirnya membenarkan rakyat Palestin melakukan serangan balas dari wilayah sempadan Israel dengan dibantu oleh pegawai tentera Mesir, Mustafa Hafiz. Beberapa serangan besar dan sederhana berjaya dilakukan di antara tahun 1955 - 1956.



Penglibatan Zionis dalam gabungan ketenteraan British-Perancis-Israel dalam tahun 1956 menentang Mesir adalah untuk melumpuhkan revolusi penentangan rakyat Palestin

di Semenanjung Gaza, membolehkan kapal-kapal Israel bergerak dengan bebas di Laut Merah dan meneruskan rancangan penjajahan imperialis mereka. British pula bergabung dalam pakatan ini untuk menentang rancangan Presiden Nasser menguasai Terusan Suez yang sangat penting bagi kerajaan British. Perancis pula melibatkan diri kerana mahu membalas dendam ke atas kerajaan Mesir yang telah membantu revolusi di Algeria menentang Perancis. Gabungan British-Perancis telah menyerang pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang di Mesir sementara itu Israel bergerak menakluki Gaza dan Sinai. Peristiwa ini dengan jelas menunjukkan akan kelemahan tentera Mesir dan pemimpin mereka ketika itu.

Pembentukan Gerakan Fatah

Penindasan dan pembunuhan ke atas ahli gerakan Islam terutamanya di Mesir dan Gaza mencetuskan kontroversi di kalangan pemuda Palestin dalam usaha membebaskan negara mereka. Usaha ditingkatkan dalam memberikan pendidikan Islam di kalangan generasi muda. Sementara itu sekumpulan militan memutuskan untuk menubuhkan satu organisasi bertopengkan nasionalis tetapi dasarnya Islam yang mungkin akan menarik kumpulan pemuda Palestin menyertai mereka. Dengan menggunakan model gerakan di Algeria, maka *Fatah* (Gerakan Pembebasan Palestin) telah dibentuk dalam tahun 1957 di Kuwait. Ianya diaspirasikan oleh ahli *Ikhwan* Semenanjung Gaza diketuai oleh Khalil al-Wazir (Abu Jihad) yang kemudiannya menjadi pemimpin kedua penting *Fatah* selama 30 tahun.

Sebelum tahun 1963, gerakan *Fatah* banyak menerima ahli

Ikhwan menyertai mereka sehinggalah pada tahun itu di mana pemimpin *Ikhwan* melarang ahli mereka mempunyai keahlian dalam pertubuhan lain. Gerakan *Fatah* akhirnya membuka keahlian mereka kepada umum dan akhirnya gerakan mereka berorientasikan nasionalis dan sekular.

Pembentukan Organisasi Pembebasan Palestin (*Palestine Liberation Organisation - PLO*)

Kebangkitan gerakan politik dan ketenteraan rakyat Palestin membimbangkan rejim Arab akan tindakbalas rejim Zionis. Sebagai salah satu cara untuk mengurangkan tekanan rejim Zionis ke atas negara Arab, Presiden Nasser dari Mesir melalui majlis Liga Arab pada tahun 1959 membuat resolusi untuk menyatukan penduduk Palestin. Malangnya tidak ada perancangan teliti dari Liga Arab sehinggalah kematian wakil Palestin di Liga Arab, Ahmed Hilmi Abd Al Baqi. Pengganti beliau, Ahmed al-Shuqayri telah mengambil langkah proaktif dengan membentuk PLO dengan bantuan kerajaan Mesir. Dengan Raja Hussein Jordan sebagai penaung, Kongres Kebangsaan Palestin yang pertama telah diadakan di Jerusalem pada 28 Mei 1964 dengan kehadiran seramai 422 orang wakil rakyat Palestin. Di antara resolusi yang diputuskan pada kongres pertama ini adalah untuk menjadikan perjuangan bersenjata sebagai cara untuk membebaskan bumi Palestin dan bersetuju untuk tidak menyerahkan walau seicipun bumi palestine kepada Zionis. PLO kemudiannya menubuhkan sayap ketenteraannya dan mempromosikan pertubuhan mereka secara kempen media yang tersusun. Rakyat ketika itu secara umumnya menerima PLO dalam usaha mereka mencari identiti Palestin.

Peperangan tahun 1967 dan kesannya.



Di penghujung bulan Mei tahun 1967, Presiden Jamal Abdul Nasser dari Mesir telah mengambil langkah unilateral dengan menutup Selat Tiran di Laut Merah dan mengusir keluar pemerhati Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sempadan Mesir. Melihat tindakan Presiden Mesir ini, rejim Arab yang lain menjangkakan mereka cukup bersedia untuk peperangan dengan Israel. Malangnya pada 5 Jun 1967, tentera udara Israel telah memusnahkan secara serentak kekuatan tentera udara Mesir, Jordan dan Syria dengan bantuan Amerika Syarikat. Dalam masa enam hari sahaja, tentera Zionis menakluki keseluruhan Palestin (Tebing Barat - 5878 km² dan Semenanjung Gaza - 363 km²), padang pasir Sinai Mesir - 61,198 km² bukit Golan Syria - 1,150 km². 80 peratus dari kekuatan persenjataan Mesir telah musnah, sementara itu 10,000 tentera Mesir, 6094 tentera Jordan dan 1,000 tentera Syria telah menemui syahid. Seramai 330,000 rakyat Palestin telah diusir keluar dari kampung halaman mereka.

Dikatakan bahawa tentera Zionis yang memasuki

Jerusalem dan Masjidil Aqsa dengan angkuhnya ketika itu meneriakkan... “Agama Muhammad telah tiada”, “Muhammad telah mati ...dia meninggalkan hanya wanita sahaja selepasnya” dan “Hari Pembalasan untuk Khaybar!” Keadaan ini mengejutkan dunia Arab kerana selepas 19 tahun mereka hidup dalam khayalan di bawah pemerintahan golongan elit yang hipokratik.

Kemasyhuran dan populariti Presiden Nasser mula merosot dan dunia Arab mula hilang keyakinan kepada rejim pemerintahan mereka. Gerakan nasionalis Palestin walau bagaimanapun terus berkembang. Namun apa yang mendukacitakan adalah kegagalan rejim Arab dan PLO sendiri untuk mendapatkan semula wilayah yang diduduki Zionis semenjak tahun 1948. Selepas perang 1967 hanya 23% sahaja wilayah Palestin yang berjaya diperolehi semula oleh rakyat Palestin.

Munculnya Identiti Palestin

(1967 - 1987)

Selepas peperangan tahun 1967, dengan hasrat untuk membendung kemarahan dan menjaga imej mereka, Rejim Arab terpaksa membenarkan gerakan komando palestini di negara mereka seperti Jordan dan Lebanon.

Di pimpin oleh Gerakan *Fatah*, organisasi komando Palestin ini berjaya menguasai kepimpinan PLO dan melancarkan banyak gerakan ketenteraan ke atas rejim Zionis.

PLO di bawah pimpinan Yasir Arafat, mencapai beberapa

kemajuan. Dalam bulan November 1974, Yasir Arafat telah dibenarkan berucap di Perhimpunan Agung bangsa-Bangsa Bersatu dan PLO telah diberikan status pemerhati di perhimpunan tersebut.



Yasir Arafat

PBB semenjak tahun 1969 telah menerima identiti rakyat Palestin malahan sepanjang tahun 1970-an PBB telah meluluskan beberapa resolusi yang menyokong rakyat Palestin dalam perjuangan mereka menuntut hak untuk menentukan nasib mereka sendiri. Pada 22 November 1975, melalui resolusi PBB 3236, bertajuk “hak rakyat Palestin” mengesahkan perjuangan rakyat palestini untuk merdeka dan kembali ke tanah air mereka dan menyokong perjuangan mereka untuk menuntut hak mereka dengan segala cara yang dibenarkan oleh PBB.

Pada tahun 1975 juga PBB telah memutuskan bahawa “Zionism” adalah menyerupai “apathoid”. Walaupun US telah mengenakan veto ke atas semua resolusi tersebut, namun perjuangan rakyat Palestin telah mendapat perhatian masyarakat dunia. Kalaulah tidak kerana tekanan

yang dikenakan ke atas gerakan penentangan Palestin dan terpecah-belahnya kesatuan dunia Arab, sokongan masyarakat dunia ini boleh digunakan untuk membantu perjuangan rakyat Palestin.

Perjuangan Palestin dalam jangkamasa 1967 - 1987 akhirnya berjaya mendapat perhatian dunia.

Perjuangan bersenjata

Selama tiga tahun dari 1967 - 1970 merupakan zaman keemasan bagi perjuangan bersenjata rakyat Palestin. Ketika ini sempadan wilayah Palestin dengan Jordan (360 km) dan Lebanon (79 km) terbuka untuk gerakan komando Palestin. Pertempuran *Karama* pada 21 Mac 1967 mengakibatkan kerugian besar kepada rejim Zionis selain memberikan kemenangan moral dalam penentangan rakyat Palestin sehingga begitu ramai sukarelawan yang menyertai mereka selepas itu.

Operasi komando Palestin terus meningkat dengan kadar 12 operasi sebulan pada tahun 1967 kepada 52 dalam tahun 1968, 199 dalam tahun 1969 dan 279 dalam tahun 1970. Oleh kerana pertentangan yang timbul dengan tentera Jordan, maka gerakan rakyat Palestin telah disingkirkan dari negara tersebut. Peperangan dengan parti Al-Kataib Lebanon selama 5 tahun melumpuhkan lagi gerakan rakyat Palestin yang berpusat di Lebanon. Kerajaan Mesir dan Syria yang kemudiannya menutup sempadan mereka dari aktiviti komando Palestin menambahkan lagi halangan bagi gerakan komando tersebut.

Sementara itu rejim Zionis pula menggunakan kaedah yang kejam untuk membunuh mereka yang menyokong gerakan penentangan tersebut walaupun di negara lain seperti Jordan atau Lebanon.

Perlu disebutkan juga di sini bahawa kejadian Pembakaran Masjidil Aqsa oleh Rejim Zionis pada 21 Ogos 1969 menjadi sebab bagi tertubuhnya Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada bulan September 1969 dengan semua negara Islam menjadi ahli. Walaupun berbagai mesyuarat, seminar dan persidangan diadakan bagi menyokong perjuangan rakyat Palestin namun tidak ada kejayaan besar yang dicapai. Malah sesetengah negara Islam seperti Turki, masih menjalinkan hubungan kukuh dengan Israel. Sebahagian negara Islam yang lain seperti Iran dan Iraq pula sibuk berperang sesama sendiri (1980 - 1988).

Pada peperangan Al-Shaqif, dalam bulan Ogos 1980, gerakan penentangan Palestin mencapai kejayaan yang besar apabila mereka berjaya menghalang kemaraan tentera Zionis ke Lebanon. Pada bulan Jun 1982, ketumbukan besar tentera Zionis berjaya masuk ke Lebanon dan sampai ke pinggir Beirut. Namun mereka ditentang hebat oleh pejuang Palestin dalam pertempuran selama 80 hari. Rejim Arab yang dayus dan masyarakat dunia hanya menjadi pemerhati kepada tragedi ini. Melalui peperangan ini, Rejim Zionis berjaya melumpuhkan kekuatan penentangan rakyat Palestin, malah dengan perjanjian gencatan senjata, memaksa lebih 6,000 pejuang Palestin berpindah ke Yemen, Tunisia, Algeria dan Sudan. Rejim Zionis juga berusaha mengenakan pengawasan yang ketat ke atas gerakan

penentangan Palestin di luar Israel walaupun usaha ini tidak berjaya sepenuhnya.

Disebabkan perkembangan di atas, operasi komando Palestin berkurangan di tahun 1980-an. PLO juga mendapat kesan dari perkembangan ini yang akhirnya menukar hala tuju perjuangan PLO dari menggunakan pendekatan bersenjata kepada perjuangan politik dalam membebaskan bumi Palestin. PLO mula menggunakan pendekatan beransur-ansur untuk menyelesaikan isu Palestin dan dalam menubuhkan negara Palestin.

Perbezaan pendapat dan konflik di antara PLO dan rejim Arab memusnahkan lagi kekuatan PLO. Pada tahun 1983, Yasir Arafat sendiri telah diusir keluar dari Syria. Perjanjian Camp David yang ditandatangani oleh Anwar al-Sadat, Presiden Mesir, di antara negara Arab yang paling kuat menyebabkan PLO hilang tempat bergantung.

Kemunculan Gerakan Islam Palestin

Kegagalan ideologi nasionalis, sekular dan fahaman radikal dalam menyelesaikan isu Palestin menyebabkan kembalinya sentimen Islam dan komitmen rakyat Palestin kepada Islam. Manifestasi awal dari kebangkitan ini adalah dengan penyertaan *Ikhwan al-Muslimun* dan gerakan *Fatah* dalam melatih lebih 300 pejuang yang dibahagikan kepada 7 kumpulan komando dan berjaya melancarkan beberapa operasi ke atas Zionis.

Pada tahun 1980, lebih 60 ahli pertubuhan *Usrat al-Jihad* ditahan Zionis. Kemudiannya di dalam tahun 1984, Sheikh

Ahmad Yasin dan beberapa pembantunya telah ditahan dengan tuduhan melancarkan gerakan jihad terhadap Zionis.

Pada tahun 1980, Gerakan Jihad Islam ditubuhkan dengan sebahagian besar ahlinya terdiri dari ahli *Ikhwan*. Gerakan *Ikhwan* menjadi sangat popular di kalangan pertubuhan2 buruh dan persatuan-persatuan pelajar di Jordan dan Palestin.

Bermulanya Intifadah



Bermulanya Intifadah

Pada 8 Disember 1987, satu kemalangan kereta yang sengaja dirancang oleh Zionis mengakibatkan kematian 4 pekerja Palestin. Berita ini tersebar dengan cepatnya dan mencetuskan hari berikutnya kebangkitan *Intifadah al-Hijarah* (1987 - 1993) yang benar-benar menggugat kedudukan Zionis di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Kebangkitan ini bermula dari Masjid *Jabalya*. Di antara yang paling awal syahid adalah Hatim Abu Sis dan Ra'id Shahadah. Semua gerakan Islam menyertai *Intifadah*. Kebangkitan ini merebak keseluruh Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.

Ada beberapa ciri kepada kebangkitan ini:

1. Kesemua penentangan sebelumnya dirancang dan digerakkan dari luar Palestin, sedangkan *Intifadah* dirancang dan dilaksanakan oleh orang Palestin sendiri dari dalam iaitu di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.
2. Pengaruh gerakan Islam dapat dilihat mendokongi kebangkitan *Intifadah* ini.
3. Semua rakyat Palestin dari perbagai peringkat umur dan latar belakang politik terlibat secara meluas dalam *Intifadah*.
4. Kanak-kanak Palestin (*Atfal al-Hijarah*) dan wanita adalah mempunyai peranan penting dalam *Intifadah* yang secara tidak langsung memupukkan sifat kerjasama dan tidak mementingkan diri sendiri

4 tahun pertama *Intifadah* menyaksikan penyertaan yang meluas dari rakyat Palestin - tunjuk perasaan, boikot, huru-hara berjaya dilakukan terhadap pentadbiran awam Zionis. Di samping itu usaha dilakukan untuk membersihkan masyarakat dari gejala rasuah, dadah dan kemunafikan.

Berlansungnya Perjanjian Oslo dalam tahun 1993, menyebabkan gerakan *Fatah* dan sekutunya dalam PLO mengisytiharkan berakhirnya *Intifadah* namun gerakan Islam seperti *al-Jihad* dan *Hamas* meneruskan jihad mereka. Pembentukan Pihak Berkuasa Palestin di wilayah yang diduduki Israel, menyukarkan pula gerakan *Intifadah*. Data dari PLO menyebutkan bahawa seramai 1540 orang telah syahid selama 6 tahun *Intifadah*, seramai 130,000 lagi cedera dan 116,000 ditangkap. Data di atas menggambarkan dengan jelas pengorbanan rakyat Palestin dan betapa kuatnya azam dan dedikasi masyarakat umum Palestin dalam memperjuangkan hak mereka.



HAMAS

Gerakan Islam Hamas ditubuhkan pada 14 Disember 1987, serentak dengan mulanya *Intifadah*. Berasaskan pergerakan *Ikhwan al- Muslimun*, maka Islam menjadi ideologinya dan Islam juga menjadi satu-satunya sumber visi dan misinya. Di antara objektif penubuhannya adalah untuk membebaskan Palestin keseluruhannya, menubuhkan negara Islam di Palestin dan komitmen untuk mengadakan pendidikan Islam di kalangan penduduknya.

Hamas begitu popular di kalangan rakyat Palestin terutamanya pelajar dan golongan professional. Mereka mendapat sokongan lebih satu pertiga dari ahli persatuan pelajar universiti dan organisasi professional.

Hamas diasaskan oleh Sheikh Ahmad Yasin dan di bantu di Semenanjung Gaza oleh Abd Aziz al-Rantisi, Mahmud al-Zahhar dan Abdul fatah Dukhan. Pemimpin Hamas di Tebing Barat adalah Jamal Saleem, Hassan Yusuf dan Jamal al-Natasha. Pemimpin Hamas yang berada di luar Palestin seperti Khalid Mishal dan Musa Abu Marzuq bertanggungjawab ke atas biro politik.

Hamas membekalkan lebih 700 syuhada' dari awal *Intifadah* sehingga tahun 1996 dan beribu-ribu lagi yang cedera atau ditangkap rejim Zionis.

Hamas menyedari bahawa cita-cita untuk membebaskan bumi Palestin bukan perkara mudah dan memerlukan masa yang panjang. Pihak Zionis mempunyai banyak kelebihan ditambah sokongan kuasa besar dunia sedangkan rakyat Palestin sendiri lemah dari segi politik dan berlaku pula

perpecahan dunia Arab-Muslim. Pimpinan Hamas yang realistik mengunjurkan bahawa jihad yang berterusan dari satu generasi ke generasi yang lain. Di saat sukar seperti ini usaha dilakukan untuk terus mengingatkan dunia akan perjuangan mereka. Semangat jihad yang ada juga perlu terus disuburkan di kalangan mujahidun.


General Uri Sagi, Pengarah Perisikan Tentera Israel mengakui akan kekuatan Hamas dari segi organisasi, keyakinan dan keberkesanan operasi ketenteraan mereka.

Hamas juga berjaya menyiapkan ramai pemimpin pelapis yang akan menggantikan dengan serta merta pemimpin yang ada sekiranya berlaku tangkapan atau syahid dibunuh Zionis. Ini jelas ketika berlakunya penangkapan Sheikh Yasin dalam tahun 1989 dan Abu Marzuq dalam tahun 1995 juga ketika syahidnya Imad Aql, Yahya Ayyash dan Muhyi al-Din Al-Sharif. Walaupun gerakan jihad amat sukar dilakukan selepas perjanjian Oslo antara PLO dan Zionist, namun Hamas berjaya melancarkan banyak operasi ketenteraan ke atas Zionis.

Rejim Zionis mula bimbang dengan kebangkitan Hamas. Dengan sokongan negara-negara sekutu mereka seperti Amerika dan Britain, rejim Zionis telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa untuk mencari jalan menghapuskan apa yang mereka panggil 'terrorism'. Ini diikuti dengan kempen keganasan untuk menghapuskan kebangkitan Islam di kalangan rakyat Palestin. Pihak Berkuasa Palestin yang menyedari bahawa projek keamanan mereka dengan rejim Zionis gagal, mengarahkan agar usaha dilakukan untuk mengurangkan pengaruh Hamas. Hamas mengalami tekanan dan

kekejaman sehingga tertangkapnya Abu Marzuq di Amerika (July 1995 - May 1997); berlakunya cubaan membunuh Khalid Mishal pada September 1997 dan penutupan pejabat Hamas di Jordan pada Ogos 1999. Rejim Zionis berusaha dengan apa cara sekalipun untuk membunuh pemimpin-pemimpin Hamas untuk menekan gerakan ini. Mereka telah menggunakan bedilan roket untuk membunuh Sheikh Ahmad Yassin, pengasas Hamas pada 22 March 2004.

Sheikh Ahmad Yassin dalam kenangan



Syeikh Ahmad Yassin telah dilahirkan di sebuah kampung bernama al-Jora, daerah Majdal di dalam wilayah Asqalan (Ashkelon) pada tahun 1938. Dia telah dibesarkan di sana sehingga tahun 1948 ketika pendudukan pengganas Yahudi ke atas bumi Palestin, dia dan keluarganya dipaksa berhijrah ke Semenanjung Gaza.

Membesar sebagai seorang pelajar yang cemerlang di dalam pelajarannya. Beliau amat disayangi oleh guru - gurunya ketika berada di sekolah. Beliau juga merupakan seorang ahli sukan yang aktif di zaman persekolahannya. Di zaman mudanya beliau telah ditimpa kemalangan, di mana beliau telah terjatuh ketika sedang beriadah yang menyebabkan beliau mengalami lumpuh pada bahagian kakinya.

Keadaannya yang lumpuh itu tidak menghalang beliau untuk meneruskan kecemerlangannya di dalam bidang pelajaran dan juga aktiviti - aktiviti Islam. Pada tahun 1964 beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Ain Shams di Kaherah. Pengajiannya di universiti tersebut tidak

sampai ke penghujungnya apabila beliau telah dipenjarakan selama sebulan oleh pihak berkuasa Mesir disebabkan penglibatannya dengan pertubuhan *Ikhwan Muslimin* pada tahun 1966. Lebih dahsyat lagi beliau telah dihantar pulang ke Gaza oleh pihak berkuasa Mesir tanpa sempat menamatkan pengajiannya. Ujian yang getir ini tidak sedikit pun membunuh semangatnya untuk terus bergerak aktif dalam pertubuhan tersebut untuk memperjuangkan Islam dan dakwah Islamiyyah.

Kepulangannya ke Gaza telah menyaksikan bagaimana beliau bergerak aktif memperjuangkan Islam sebagai guru bahasa Arab dan juga khatib di Massjid Gaza. Dalam tempoh yang singkat sahaja beliau telah menjadi terkenal di kalangan penduduk Gaza dengan khutbah - khutbahnya terutamanya selepas pendudukan rejim Zionis ke atas Gaza pada tahun 1967.

Selain daripada dua tugas utama tersebut, Semenanjung Gaza juga telah menyaksikan jasa Ahmad Yassin sebagai pekerja kebajikan dan juga pendakwah yang gigih mendidik anak - anak remaja dan para pemuda dengan didikan Islam. Hasil dari usaha tersebut sekitar tahun 1969 dan 1970 pertubuhan *Ikhwan Muslimin* telah berkembang hebat di kawasan Gaza. Hasilnya pada tahun 1973 dengan bantuan anggota pertubuhan tersebut, Syeikh Ahmad Yassin telah berjaya menubuhkan sebuah pertubuhan kebajikan yang menjaga kebajikan pelarian - pelarian Palestin yang diberikan nama "*Mujamma al-Islam*".

Usahanya tidak terhenti setakat itu sahaja. Memandangkan keadaan di Palestin lebih memaksa umat Islam di sana untuk berjihad, beliau dan beberapa anggota *Ikhwan*

Muslimin yang lain telah menubuhkan sebuah gerakan jihad yang dinamakan sebagai "*al-Mujahidun al-Filastiniyun*" pada tahun 1982 sebagai kesinambungan perjuangan "*Kataib Syuyukh*" yang mengambil wasilah jihad sebagai landasan perjuangan mereka. Bagi Ahmad Yassin kelumpuhan dirinya tidak menghalang dirinya dari usaha mendidik dan membina generasi mujahidin Palestin untuk berhadapan dengan penjajah Zionis yang telah menjajah bumi mereka dan juga Masjid al-Aqsa.

Pada tahun 1983, ketika beliau menjawat jawatan sebagai pengarah Pusat Islam di Gaza, beliau telah ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak rejim Zionis diatas tuduhan memiliki senjata api dan cuba untuk menggugat kerajaan Zionis Israel. Dia telah dijatuhkan hukuman penjara selama 13 tahun melalui mahkamah tentera Israel, namun pada tahun 1985 hasil dari proses pertukaran tawanan di antara pihak PLO dengan rejim Zionis, beliau telah dibebaskan setelah menjalani hukuman penjara selama 11 bulan.

Melihatkan kepada keadaan Negara - Negara Arab yang tidak lagi berminat untuk memerdekakan bumi Palestin dan Masjid al-Aqsa, begitu juga dengan gerakan PLO yang semakin bersikap lunak terhadap rejim Zionis, Yassin dan juga rakan - rakannya di dalam pertubuhan Ikhwan Muslimin telah menubuhkan gerakan pembebasan Islam yang dikenali sebagai HAMAS pada tahun 1987. HAMAS telah memulakan corak baru penentangan cara baru, iaitu dengan mengadakan demonstrasi jalanan dan pertempuran secara bersemuka dengan pihak tentera Zionis. Kebanyakan ahli pergerakan ini dihasilkan dari masjid - masjid dari kalangan orang - orang muda yang dikenali dengan nama "*Atfal Hijarah*" (Kanak - kanak Batu) kerana menggunakan

batu untuk berhadapan dengan tentera Zionis. Penentangan yang mempunyai impak yang besar terhadap rejim Zionis ini dikenali sebagai "Intifadah"- Kebangkitan. Kesan dari "Intifadah" ini amat hebat, pihak tentera Zionis terpaksa mengambil tindakan - tindakan drastik sebagai tindak balas terhadap kemaraan gerakan HAMAS.

Sebagai natijahnya, pada bulan Ogos 1988 pihak tentera Zionis telah merobohkan rumahnya dan membuangnya ke sempadan Lebanon. Tidak cukup sekadar itu sahaja, pada 18 Mei 1989 beliau bersama ratusan anggota pergerakan HAMAS yang lain telah dipenjarakan kerana kejayaan operasi-operasi yang telah dilancarkan oleh gerakan tersebut dalam usaha membunuh tentera-tentera dan komando-komando Israel. Sekali lagi mahkamah tentera Israel pada 16 Oktober 1991 telah menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara ke atas Syeikh Ahmad Yassin di atas sembilan pertuduhan yang disabitkan ke atasnya, termasuk tuduhan membunuh, menculik dan juga menyerang tentera-tentera Zionis.

Kesan dari penahanan tersebut beliau telah mengalami lumpuh seluruh tubuh kecuali kepalanya sahaja. Beliau juga mengalami kehilangan penglihatan mata kanannya dan juga kekaburan penglihatan pada mata kirinya selain daripada masalah pendengaran akibat tekanan dan deraan yang dikenakan ke atasnya. Sepanjang tempoh itu juga beliau dihidapi jangkitan pada paru-parunya dan juga hidapan pada abdomennya. Keadaan kesihatannya yang semakin parah itu telah memaksa pihak penjara terpaksa membawanya berulang-alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan..

Pada 13 Disember 1992 kumpulan komando HAMAS yang dikenali sebagai Kataib al-Qassam telah berjaya menculik seorang tentera Zionis dan menawarkan pertukaran tawanan dengan pihak rejim. Mereka menawarkan pertukaran di antara tentera tersebut dengan pembebasan Syeikh Ahmad Yassin dan beberapa tawanan HAMAS lain yang sakit dan yang telah berumur. Pihak rejim Zionis walaubagaimanapun menolak permintaan tersebut malah cuba menyerbu masuk ke rumah di mana tenteranya ditawan dengan harapan untuk membebaskannya. Percubaan mereka gagal, tentera Zionis yang ditawan itu mati dibunuh berserta dua tentera Zionis yang lain dan juga tiga pejuang Palestin telah mati syahid di tempat kejadian. Kejadian tersebut berlaku di Bir Nabala berdekatan dengan kota Baitul Maqdis.

Pada 1 Oktober 1997, hasil dari perundingan pertukaran tawanan di antara kerajaan Jordan dengan rejim Zionis Syeikh Ahmad Yassin telah berjaya dibebaskan. Kerajaan Jordan yang telah berjaya memberkas dua orang anggota perisikan rejim Zionis ketika mereka gagal dalam percubaan untuk membunuh ketua biro politik HAMAS, Khaled Mishaal di Amman, Jordan. Demi untuk mendapatkan kembali dua perisik tersebut, pihak rejim Zionis telah bersetuju dengan tawaran yang diberikan oleh al-Marhum Raja Jordan, Raja Hussin yang meminta Syeikh Ahmad Yassin dibebaskan.

Sejurus pembebasannya Syeikh Ahmad Yassin kembali memainkan peranannya sebagai pemimpin agama bagi gerakan HAMAS yang semakin mendapat tempat di hati rakyat Palestin dan juga semakin digeruni oleh rejim Zionis. September 2000 telah menyaksikan tercetusnya Intifadah

kali kedua selepas perdana menteri rejim Zionis, Ariel Sharon telah mencemarkan Masjid al-Aqsa bersama 200 tenteranya. Sekali lagi Syeikh Ahmad Yassin telah berjaya membangkitkan rakyat PAlestin untuk bangun berjuang menentang kegilaan rejim Zionis. Impaknya amat besar kepada rejim Zionis. Kerugian harta dan nyawa yang dialaminya adalah yang paling teruk dalam 50 tahun penubuhan Negara haram Israel. Penentangan berlaku tiap-tiap hari tanpa menunjukkan rasa menyerah kalah. Hasilnya pelabagi usaha dilakukan oleh pihak rejim demi mengekang kemaraan rakyat Palestin. Antaranya menyerang bandar-bandar, membunuh orang-orang awam, membina tembok pemisah, membunuh pejuang-pejuang Palestin dan pemimpin-pemimpin mereka.

Hasil dari kegilaan tersebut, beberapa pemimpin pejuang Palestin telah berjaya menemui syahid dibunuh oleh rejim Zionis dengan menggunakan jet - jet pejuang, helikopter dan juga kereta - kereta kebal mereka. Antaranya Salah Shahadah, Ismail Abu Shanab dan lain - lain lagi. Syeikh Ahmad Yassin juga tidak terlepas dari usaha jahat tersebut, seperti yang berlaku pada 6 September 2003 bilaman sebuah helikopter Apache milik tentera Zionis telah membedil dan merobohkan rumah Ahmad Yassin, mujurlah beliau selamat dan hanya mengalami kecederaan ringan di tangan kanannya. Begitu juga apa yang dialami oleh Abdul Aziz Rantisi, orang nombor dua HAMAS yang telah dibedil keretanya ketika beliau di dalam perjalanan.

Namun, pada subuh 22 Mac 2004, mereka sekali lagi menyerang Syeikh Ahmad Yassin ketika beliau dalam perjalanan pulang dari mesjid setelah selesai solat subuh

secara berjemaah. Tiga buah roket telah dilancarkan ke atas Syekh yang lumpuh itu telah berjaya mengorbankan diri Ahmad Yassin dan empat yang lain termasuk anaknya.

Perjanjian Oslo dan PLO

Kebangkitan "*Intifadah*" memberikan kesempatan kepada PLO untuk meningkatkan imej mereka. Gerakan *Fatah* dan kumpulan lainnya terlibat sama dalam kebangkitan ini dan PLO membentuk kepimpinan di peringkat kebangsaan untuk *intifadah*. Rejim Zionis bertindakbals dengan melakukan pembunuhan ke atas pemimpin kedua tertinggi PLO Abu Jihad pada 16 April 1988.

Kemudian berlaku perubahan besar di dunia Arab apabila Iraq menakluki Kuwait pada 2 Ogos 1990, dengan diikuti peperangan Teluk yang telah memberikan kesan buruk kepada negara-negara Arab apabila semua kekayaan dan sumber ekonomi mereka menjadi kontang. Malah kekuatan tentera Iraq, di antara yang terkuat di kalangan negara Arab turut merosot akibat peperangan ini. Ini diikuti dengan pengusiran beratus-ratus ribu orang Palestin dari Kuwait juga pemberhentian bantuan ketenteraan dan kewangan negara Arab kepada PLO.

Di peringkat antarabangsa, dunia menyaksikan keruntuhan empayar Soviet Union dan blok sosialis. Di awal tahun 1990-an, Amerika Syarikat dengan itu muncul sebagai kuasa besar dunia. Lebih buruk lagi apabila meningkatnya pengaruh Yahudi di dalam pentadbiran Presiden Amerika Bill Clinton. Beliau telah memperuntukkan 4 jawatan penting dalam kabinet Amerika kepada orang Yahudi:

Madeline Albright sebagai Setiausaha Luar, Robert Robins sebagai Setiausaha Kewangan, William Kohen sebagai Setiausaha Pertahanan dan Gilkman sebagai Setiausaha Pertanian. Di samping itu tujuh daripada sebelas ahli Majlis Keselamatan Kebangsaan Amerika adalah orang Yahudi begitu juga Greenspan, sebagai Presiden Bank Pusat. George Tenet pula menjadi Pengarah kepada Agensi Perisikan Pusat (CIA).

Dengan runtuhnya empayar Soviet Union, negara-negara Eropah Timur dan Rusia, secara sukarela menjalinkan semula hubungan dengan Israel dan mengizinkan penghijrahan beramai-ramai penduduk Yahudi ke Israel. Pada 7 Mei 2000, rejim Zionis Israel, dengan Perdana Menteriya sendiri menyambut kedatangan hampir sejuta pendatang Yahudi ke Israel. 92,000 orang daripada mereka adalah di kalangan profesional dari berbagai disiplin, termasuk beberapa ribu orang pakar bom nuklear dan ramai lagi pegawai tentera. Satu perkembangan yang membimbangkan dengan meningkatnya kekuatan Zionis di wilayah tersebut.

Setelah 2 tahun berunding secara sulit, PLO dan rejim Zionis akhirnya menandatangani Perjanjian Oslo dengan dinaungi oleh Presiden Bill Clinton dan disaksikan oleh Presiden PLO Yasir Arafat dan Perdana Menteri Israel Yitzhaq Rabin. Di pihak Palestin diwakili oleh Mahmud Abbas dan Shimon Perez menandatangani bagi pihak Israel.

Perjanjian Oslo adalah perjanjian sementara yang membolehkan pemerintahan sendiri Palestin di Semenanjung Gaza dan Jericho dan akan melibatkan

kawasan yang didiami majoriti penduduk Palestin. Pihak Berkuasa Palestin akan bertanggungjawab di bidang pendidikan, kesihatan, sosial, cukai dan pelancongan. Turut telah dipersetujui ialah isu-isu sensitif akan diselesaikan dalam masa 2 tahun. Walau bagaimanapun rejim Zionis menggunakan taktik berlengah-lengah dengan memberikan berbagai alasan umpamanya mahu memastikan Pihak Berkuasa Palestin mampu menangani pergerakan Hamas dan gerakan penentangan yang lain.

Sekiranya dikaji semula, akan didapati banyak kepincangan dalam Perjanjian Oslo ini. Ini kerana isu Palestin melibatkan semua umat Islam bukan sahaja bangsa Palestin maupun PLO sahaja. Semua ulamak Islam mengeluarkan fatwa menolak perjanjian ini malah mereka menyeru agar jihad ke atas rejim Zionis diteruskan sehingga pembebasan bumi Palestin.

Kepimpinan PLO juga gagal mendapatkan pendapat dan pandangan rakyat Palestin sendiri malah berbagai gerakan Islam, nasionalis dan yang berhaluan kiri menolak perjanjian yang berat sebelah dan mengaibkan ini. Melalui perjanjian ini juga, PLO telah mengiktiraf hak Israel untuk wujud di bumi Palestin seterusnya membolehkan rejim Zionis Israel menguasai selama-lamanya 77% dari bumi Palestin yang telah diduduki semenjak tahun 1948.

Perjanjian ini juga gagal menyelesaikan isu yang sangat sensitif yang diperjuangkan selama ini oleh rakyat Palestin. Tidak ada penyelesaian kepada masa depan kota Jerusalem yang dikuasai 86% oleh Israel. Persoalan masa depan lebih 5 juta pelarian Palestin juga tidak diselesaikan.

Keselamatan di sempadan bukan di bawah kuasa Pihak Berkuasa Palestin malahan kemasukan orang awam maupun senjata ke kawasan pemerintahan sendiri Palestin perlu mendapat kebenaran pihak Israel. Rejim Zionis juga boleh memberi veto segala peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Palestin.

Perjanjian ini juga tidak mengarah kepada hak rakyat Palestin untuk pemerintahan sendiri ataupun pembentukan negara yang merdeka. Malah PLO yang telah bersetuju untuk tidak melancarkan sebarang penentangan terhadap rejim Zionis, akhirnya terpaksa mematahkan sebarang usaha melakukan penentangan oleh rakyat Palestin sendiri. Secara tidak lansung, PLO menjadi pembela kepada keselamatan Israel di wilayah yang ditadbir oleh PLO sendiri.

Polis Palestin memasuki Gaza pada 18 Mei 1994 dan pentadbiran baru Palestin mengangkat sumpah di hadapan Arafat pada 5 Julai 1994. Walau bagaimanapun kos bagi keselamatan dan birokrasi meningkat dengan ketara. Polis Palestin yang seramai 40,000 orang memberikan nisbah polis kepada penduduk yang tertinggi di dunia. Malahan perbelanjaan untuk keselamatan dan pejabat Arafat sahaja memakan 70% dari perbelanjaan keseluruhan pentadbiran Palestin.

Pendapatan per kapita penduduk Palestin juga merosot sebanyak 38% pada tahun 1995 jika dibandingkan dengan tahun 1993. Pada April 2000, sekumpulan aktivis dan profesional Palestin telah menerbitkan laporan yang merumuskan bahawa Perjanjian Oslo benar-benar membawa musibah kepada rakyat Palestin dan menggesa

Arafat untuk meletakkan jawatan.

Zionis masa kini



Bermulanya abad ke 21 menyaksikan rejim Zionis berjaya mengukuhkan cengkamannya ke atas Palestin dengan dibantu oleh kuasa besar dunia. Setelah lebih 50 tahun pembentukan negara Israel, Zionis mengambil kesempatan dari kelemahan dan perpecahan di kalangan dunia Arab dan Islam untuk membawa masuk lebih dari 2,900,000 pendatang Yahudi ke Palestin. Ini menjadikan jumlah penduduk Yahudi meningkat dari 650,000 orang pada tahun 1948 kepada 4,947,000 pada akhir tahun 2000 (kira-kira 38% dari penduduk Yahudi seluruh dunia).

Tekanan ke atas gerakan penentangan Palestin oleh PLO memberikan rejim Zionis kestabilan dan peluang untuk meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Keluaran dalam negeri mereka meningkat dari 15.3 bilion US Dollar pada tahun 1983 kepada 105.4 bilion US Dollar pada tahun 2000, meningkat kira-kira 689%. Ini menyebabkan kebergantungan Israel kepada Amerika Syarikat bagi


bantuan luar menurun dari 25% daripada pendapatan negara pada tahun 1983 kepada hanya 4% pada tahun 2000. Walau bagaimanapun jumlah bantuan Amerika Syarikat kepada Israel tetap sama jumlahnya kira-kira 4 bilion US Dollar setahun. Pendapatan per kapita negara Zionis juga meningkat kepada 18,300 US Dollar di antara yang tertinggi di dunia. Eksport Israel juga meningkat dua kali ganda dari 11.6 billion US Dollar pada tahun 1990 kepada 23.6 billion US Dollar pada tahun 2000.

Pendapatan negara Israel pada tahun 2000 adalah sebanyak 40 billion US Dollar, 8 billion US Dollar lebih banyak dari jumlah pendapatan kesemua Mesir, Syria dan Lebanon.

Tentera Israel merupakan tentera yang terkuat di Timur Tengah dari segi senjata dan bilangan tenteranya. Israel mempunyai seramai 178,000 tentera sepenuh masa dan bilangan ini boleh ditingkatkan kepada 700,000 hingga 1,000,000 orang dalam masa 2 jam dari tentera simpanan mereka. Berbekalkan senjata canggih dari Amerika Syarikat negara Zionis ini lebih superior dari negara Teluk yang lain. 200 syarikat Israel terlibat dalam industri persenjataan. Mereka juga memiliki lebih 200 bom nuklear. Israel merupakan pengeksport senjata kelima terbesar di dunia dengan nilai lebih dari 2 billion US Dollar.

Dari tahun 1967 hingga 1993, Yahudi-Zionis melakukan lebih 40 serangan terhadap al-Aqsa. 72 lagi serangan dilakukan di antara tahun 1993 - 1998 walaupun selepas perjanjian Oslo pada tahun 1993. Tetapi peristiwa yang tidak boleh dilupakan adalah ketika Zionis membakar Masjid Aqsa pada 21 Ogos 1969. Walaupun rakyat Palestin

merana akibat penjajahan Zionis serta dipinggirkan oleh masyarakat Arab dan Muslim, namun mereka tetap teguh mempertahankan Masjid al-Aqsa walau dengan apa cara sekalipun.



Intifadah al-Aqsa



Ariel Sharon

Terjadi apabila lawatan provokasi Ariel Sharon, pemimpin parti Likud ke perkarangan Masjid al-Aqsa pada 26 September 2000. Beliau diiringi oleh seramai 600 tentera bersenjata serta 3000 orang lagi untuk menguasai Jerusalem dan kawasan sekitarnya. Namun muslim seluruhnya menentang tindakan Zionis ini. Diperingkat awalnya seramai 5 orang syahid dan lebih 100 orang cedera. Ini diikuti dengan bangkitnya kemarahan umat Islam seluruh dunia, menggambarkan bagaimana kesungguhan umat Islam dalam mempertahankan bumi suci ini dengan jiwa dan darah.

Intifadah al-Aqsa menyerlahkan beberapa fakta:

1. Semangat jihad dan kesanggupan untuk berjihad masih wujud di kalangan ummah, walau bagaimana sukar sekalipun. Tunjuk perasaan terjadi di dunia Islam dari Rabat di barat hingga ke Jakarta di timur. Semuanya menyeru kepada jihad, al-Aqsa dan Palestin.

2. Isu Palestin, tanah suci Jerusalem dan al-Aqsa masih merupakan faktor penting bagi penyatuan ummah dan melupakan perbezaan pendapat antara mereka bagi menghadapi ancaman Zionis.
3. *Intifadah al-Aqsa* mencapai kejayaan hingga berlaku pemboikotan menyeluruh produk keluaran Amerika. Jualan di restoran Mc Donald di Arab Saudi misalnya merosot sehingga 80%.
4. *Intifadah al-Aqsa* menakutkan masyarakat Zionis sehingga mereka terpaksa mengelak menggunakan pengangkutan awam dan memendekkan masa rehat dan cuti mereka.
5. *Intifadah al-Aqsa* memberikan kesan buruk kepada ekonomi Israel. Sektor pelancongan mengalami kerugian 1 billion US Dollar setahun.

Polis Zionis dan tentera mereka terpaksa menembak 'pembaling batu'. 65% mangsa ditembak di bahagian atas badan. Kematian di kalangan kanak-kanak bawah 18 tahun adalah 40% dari keseluruhan mangsa.



Pesanan

Sesungguhnya Palestin bukanlah milik orang-orang Palestin sahaja, Baitul Maqdis bukanlah tempat suci mereka sahaja dan Masjidil Aqsa bukanlah milik mereka sahaja tetapi milik kaum Muslimin dari timur sampai ke barat. Ianya juga milik generasi kini dan akan datang sehinggalah hari kiamat.

Kita sebagai orang Islam adalah para penyeru perdamaian, dan kita bukanlah para pencinta peperangan. Tetapi kita akan terjun ke medan pertempuran dengan bermati-matian untuk membela diri kita dan tempat-tempat suci kita, kerana peperangan kita pada waktu itu adalah di jalan Allah. Beginilah syiar dan ciri orang-orang yang beriman selama-lamanya:

"Orang-orang yang beriman berperang di jalan Allah, dan orang-orang yang kafir berperang di jalan taghut".
(An-Nisa': 76)

Dan apabila pertemuan antara kita dengan musuh berakhir tanpa teretusnya peperangan, sebagaimana yang terjadi dalam perang Khandak maka komentar Al-Quran adalah:

"Dan Allah menghindarkan orang-orang mukmin dari peperangan "
(Al-Ahzab: 25).

Dalam Al-Qur'an juga terdapat ayat yang menyatakan ketika kita tidak terdesak untuk berperang:

"Dan jika mereka cenderung pada perdamaian maka cenderung pulalah kepadanya dan bertakwalah kepada Allah".

(Al-Anfal: 61)

Tetapi Israel tidak akan pernah condong untuk berdamai walau dalam seharipun, kerana hal ini berlawanan dengan tabiat dan peribadi dasarnya. Bagaimana mungkin akan cenderung kepada perdamaian orang-orang yang mendirikan negaranya di atas darah, kekerasan, perampasan dan permusuhan, sedangkan ia pada hari ini bekerja dengan giatnya untuk mengosongkan Baitul Maqdis dari penduduknya yang beragama Islam dan Kristian agar dapat mereka isi dengan pendatang Yahudi yang datang dari Barat dan Timur.

Oleh kerana itu, "minta berdamai" dengan para penyerang bertentangan dengan agama, akhlak, undang-undang dan adat istiadat, kerana besi tidak akan dapat dilawan kecuali dengan besi juga dan apa-apa yang dirampas dengan kekuatan tidak akan dikembalikan kecuali dengan kekuatan pula. Dalam menghadapi masalah ini kami berpesan dengan perkara-perkara berikut:

1. Kita wajib mengembalikan "revolusi-revolusi masjid" yang kemudian disebut dengan "Intifadhah", yang telah memaksa Israel untuk mengakui kemantapan organisasi pembebasan dan bersetuju untuk duduk di atas meja perundingan dan ia (Intifadhah) harus kembali dengan kaedah yang lebih tangkas daripada masa-masa sebelumnya dan harus disokong oleh seluruh orang-orang Palestin baik pemerintah mahupun rakyat, dan didukung

oleh semua bangsa Arab dan seluruh kaum Muslimin serta orang-orang yang merdeka dan mulia di dunia.

Sesungguhnya Israel, dialah pegganas terbesar di dunia, ia adalah negara pegganas atau negara Israel adalah negara yang mengundang (menghalalkan) kezaliman, penyeksaan, penghancuran rumah dan pelanggaran hak-halk asasi tiap-tiap individu dan keluarga.

Satu-satunya jalan bagi bangsa Palestin adalah mengadakan perlawanan, dan telah merupakan hak dari setiap bangsa untuk melawan para pengambil alih dan perampas dengan segala kemampuannya.

Apabila Manachem Begin mengangkat syiar (motto): "Saya memerangi bererti saya ada", maka sesungguhnya Syeikh Ahmad Yassin telah mengangkat syiar setanding "Saya melawan bererti saya ada!, dan kebenaran (Ahmad Yassin) akan mengalahkan kebatilan (Manachern Begin)".

2. Apa-apa yang dinamakan perdamaian dengan Israel adalah wajib kita tolak dalarn segala bidang dari politik, ekonomi, sosial dan budaya. Maka tidaklah dibolehkan untuk saling membuka hubungan diplomasi dengan Israel; begitu juga membuat hubungan ekonomi dan membuka pejabat-pejabat perwakilan apa sahaja untuk Israel. Seorang Muslim tidak dihalalkan untuk pergi ke Israel walaupun dengan alasan untuk solat di Masjidil Aqsa, tetapi seorang Muslim dianjurkan

banyak berjalan ke masjid ini jika ia telah terbebas dari kekuasaan Yahudi.

Kita wajib menolak segala usaha yang merosakkan cara berfikir Arab dan Islam dalam bentuk apapun. Kita wajib melawan tentangan Israel dalam bentuk baru terhadap kebudayaan Islam dan Arab dan kita wajib berpegang teguh dengan identiti kita yang murni dan tidak dipengaruhi oleh kotoran apapun.

3. Kita wajib meneruskan pemboikotan ekonomi terhadap Israel dan melanjutkannya dengan lebih aktif dan efektif serta meluaskan ruang lingkungannya agar menjadi suatu pemboikotan yang Islam. Maka tidak dihalalkan bagi seorang Muslim untuk menjual atau pun membeli sebarang benda dari Israel dan ini adalah kewajiban negara-negara Islam dan setiap individu kaum Muslimin. Seorang Muslim wajib mengetahui bahawasanya Dinar, Dirham, Pound Riyal` Ringgit dan wang apapun yang pergi ke Israel akan berubah menjadi peluru, bom atau peluru berpandu yang akan membunuh dan mengancam kita. Dan bahkan diwajibkan bagi kita untuk meluaskan pemboikotan ini agar ia meliputi semua orang-orang yang turut mendukung Israel, khususnya Amerika yang berdiri dengan segala kekuatannya di belakang Israel. Oleh kerana itu wajib ke atas seluruh kaum Muslimin untuk memboikot barang-barang produk Amerika bermula dari pesawat, kenderaan-kenderaan hingga ke hamburger, pizza, coca-cola, rokok dan sebagainya.

4. Orang-orang Arab dan kaum Muslimin wajib mengatasi perselisihan-perselisihan yang terjadi sesama mereka dan melupakan pertikaian tetangga. Mereka wajib untuk bangkit bersatu-padu seperti sebuah bangunan yang kukuh dengan struktur yang saling menguatkan, kerana pertempuran ini adalah dahsyat dan besar, kita tidak boleh disibukkan oleh perselisihan yang kecil.

Penyair berkata:

“Sesungguhnya kesusahan-kesusahan akan menyatukan orang-orang yang ditimpanya” apatah lagi halnya dengan musibah besar iaitu Israel, dengan kebangkitan dan keangkuhannya di muka bumi ini.

Allah SWT berfirman:

"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang dijalanNya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang kukuh

(As-Saff: 4)

Kita wajib melawan segala usaha yang mencuba untuk memecah-belah umat kita, agar perpecahan itu tidak melebihi perpecahan yang sudah ada. Kita juga harus menyatukan kalimah-kalimah kita di bawah cahaya kalimah tauhid, tetapi apabila kita tidak mampu naik ke tingkat tauhid hendaklah kita berusaha kepada yang lebih dekat dari itu, dan itulah iman yang paling lemah.

Tidak ada tempat dan masa lagi untuk membangkitkan perselisihan-perselisihan

keagamaan: Sunni dan Syiah, perselisihan antara ras, Arab dan Kurdi atau Arab dengan Barbar; tidak pula perselisihan-perselisihan ideologi: golongan kiri dan golongan kanan dan perselisihan antara kelas: golongan kaya dan golongan miskin.

Kita wajib memusatkan perhatian untuk mengatasi pertikaian-pertikaian yang terjadi sesama kelompok perlawanan Palestin kerana sernua mereka berada dalam satu parti iaitu: menghadapi pendudukan dan serbuan zionis.

Betapa mulia perkataan yang diucapkan oleh Syeikh Ahmad Yasin di Qatar: "Apabila pemerintah Palestin memerangi kita, maka kita tidak akan memerangnya dan apabila dia menyakiti kita, maka kita tidak akan menolak keburukan yang mereka lakukan dengan keburukan serupa, dan kita akan menjadi salah satu dari anak Adam yang terbaik ketika saudaranya berkata kepadanya:

"Sesungguhnya kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan sekalian alam ".
(Al-Maidah: 28)

5. Kita wajib mengumumkan dengan terang-terangan "Islamisasi pergerakan" kerana Quds bukanlah hanya tanggungjawab (urusan) orang-orang Palestin sahaja dan tidak pula menjadi tanggungjawab kepada orang-orang Arab sahaja, tetapi juga

tanggungjawab umat Islam. Oleh kerana itu, kita menolak apa yang sering disebut bahawa orang-orang Palestin sahaja yang berkepentingan dan memang betul bahawa kita tidak akan mendukung kerajaan lebih dari dukungan raja terhadap kerajaan. Maka Baitul Maqdis adalah tanggungjawab umat Islam di timur dan di barat bumi ini. Sekiranya orang-orang Palestin bersikap lemah dan menyerah terhadap tanggungjawabnya, maka seluruh kaum Muslimin wajib untuk menolak sikap tersebut serta melawan orang-orang Palestin itu sendiri, sebagaimana tidak boleh dikatakan: Sesungguhnya Makkah, Ka'bah dan Masjidil Haram adalah tanggungjawab (urusan) Saudi Arabia sahaja, tidak mencakupi seluruh kaum Muslimin, demikian jugalah halnya dengan Baitul Maqdis Asy-Syarif dengan Masjidil Aqsa.

6. Kita wajib berusaha untuk mendirikan sebuah "Organisasi Bangsa-Bangsa Islam Sedunia" untuk menyelamatkan Baitul Maqdis. Sekiranya kita mempunyai khalifah yang dibai'at oleh seluruh kaum Muslimin yang akan menyatukan dan memimpin mereka sebagaimana hal itu telah wujud selama lebih daripada 13 abad maka ia akan menyeru kepada seluruh kaum Muslimin: "Bangkitlah kamu untuk membebaskan Masjidil Aqsa", nescaya jutaan orang akan memenuhi seruannya dan mereka akan "datang berduyunduyun untuk menghadapi kekuatan senjata Israel, dan nescaya ribuan atau puluhan terbunuh di kalangan mereka. Tetapi Israel tidak akan mampu membunuh semua mujahidin dan menghadapi

seluruh kaum Muslimin.

Apabila kita tidak mempunyai khalifah yang mempunyai hak untuk mengarahkan dan memerintahkan kaum Muslimin maka hendaklah hal itu kita ganti dengan "Kongres seluruh ulama kaum Muslimin sedunia" yang akan menyerukan pembebasan Palestin yang terlepas dari pengaruh politik serantau serta arahan-arahan rasmi. Dan hendaklah kongres ini menyampaikan pesannya dan mengarahkan pernyataan-pernyataannya kepada seluruh umat. Kongres ini mendirikan sebuah organisasi antarabangsa yang kita maksudkan sebagai " Organisasi Penyelamat Masjidil Aqsa " .

7. "Organisasi Penyelamat Masjidil Aqsa" ini harus juga membentuk "tabung dana untuk Baitul Maqdis" sebagai sebuah pembiayaan kebangsaan Islam sedunia, di mana seluruh kaum Muslimin turut serta di dalamnya bahkan seluruh orang-orang yang merdeka dan mulia dari seluruh penjuru dunia sesuai dengan kemampuan mereka masing-masing, walau kadar yang sedikit apabila terkumpul akan menjadi banyak. Kesemua ini ialah untuk menyelamatkan Baitul Maqdis dan Masjidil Aqsa serta menghadapi rancangan jahanam Israel dalam mendirikan penempatan Yahudi, pengusiran secara sembunyi penduduk Baitul Maqdis, penggalian-penggalian yang terus menerus di bawah Masjidil Aqsa Al-Mubarak dan penghancuran Masjidil Aqsa yang hanya menunggu saatnya sahaja.

Pesanan ini kami sampaikan kepada seluruh orang-

orang Palestin baik pemerintah maupun pembangkang dan kepada seluruh orang Arab: baik Islam maupun Kristian, dan kepada seluruh kaum Muslimin baik Arab maupun bukan Arab, dan seluruh orang-orang yang mulia dan adil agar membantu kita dalam pertempuran ini untuk membela keadilan dan hendaklah mereka berbaris dengan kekuatan kebenaran bukan dengan kebenaran kekuatan. Sesungguhnya kebenaran akan selalu menclapat kemenangan walaupun memakan masa. Dan Allah SWT telah berfirman:

"Dan Kami berkewajiban menolong orang-orang yang beriman"
(30:47)

Sesungguhnya peperangan yang tercetus antara kita dengan Zionis akan terus berlanjutan, kita akan memerangi mereka dan mereka akan memerangi kita sehinggalah terjadinya apa yang disabdakan oleh ar-Rasul saw:

"Orang-orang Yahudi akan memerangi kamu dan kamu akan mengalahkan mereka sehingga salah seorang di antara mereka bersembunyi di sebalik batu, maka batu itu berkata: "Hai hamba Allah, ini Yahudi berada di belakangku, maka bunuhlah ia"
(Riwayat Bukhari dan Muslim)